

**PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KE KERJAYA
BAGI PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS
MASALAH PEMBELAJARAN KOLEJ
KOMUNITI: SATU KAJIAN KES**

SYAZWANI BINTI AHMAD

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KE KERJAYA BAGI PELAJAR
BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN
KOLEJ KOMUNITI: SATU KAJIAN KES

SYAZWANI BINTI AHMAD

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH
SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI


2025


PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

17 Julai 2025

SYAZWANI BINTI AHMAD
P122703



	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

G. PERAKUAN TESIS SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS)			
Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	Syazwani Binti Ahmad		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P122703	Sesi Akademik (Academic Session)	2/2024/2025
Tajuk Tesis (Thesis Title)	Peraksanaan Program Transisi Ke Kerjaya Bagi Pelajar Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran Kolej Komuniti : Satu Kajian-Kes		

Merujuk kepada Klausa 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai (*Tandakan ✓ bagi maklumat yang berkaitan):
(With regard to Clause 4.2 of the UKM Student Intellectual Property Policy (Supplementary), the thesis is the student's property. I hereby declare this thesis as (*Mark ✓ on relevant information):


- *RAHSIA (CONFIDENTIAL)** Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972
(Consisting of classified information under the OFFICIAL SECRETS ACT 1972)
- *TERHAD (RESTRICTED)** Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan
(Consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organization/ body where the research was conducted)
- *AKSES TERBUKA/ TIDAK TERHAD (OPEN ACCESS/ NON-RESTRICTED)** Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(I allow this thesis to be published through open access, full text or copied for study, learning and research purposes only)


Bagi kategori Akses Terbuka / Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana / Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

(For the Open Access / Non-Restricted category, I allow this (Master's / Doctoral) Thesis to be kept in the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library with the following usage conditions:)

- Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(UKM Library has the right to reproduce the thesis for study, learning and research purposes only.)
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.
(UKM Library is allowed to make one (1) copy of this thesis for exchange purposes among higher education institutions and any government body/agency, subject to terms and conditions.)

	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)	PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)
<p style="text-align: center;">TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)</p>	<p style="text-align: center;">  TANDATANGAN PENYELIA / PENERUSI JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE) </p>
<p>Kad Pengenalan / No. Pasport (Identity Card / Passport No.)</p> <p>Tarikh: (Date)</p>	<p>Nama Penyelia: <i>Dr. Khairul Farhab Khairuddin</i> Pengerusi JK Siswazah (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name) <i>Dr. Khairul Farhab Khairuddin</i> Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia</p> <p>Tarikh: <i>2/7/2025</i> (Date)</p>



PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin limpah kurnia dan kasih sayang Nya memberikan saya kekuatan dalam menyempurnakan tesis ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya Dr. Khairul Farhah binti Khairuddin yang telah membimbing, memberi tunjuk ajar dan mencurahkan segala ilmu serta tanpa jemu memberi motivasi kepada saya dalam pengajian dan dapat menyempurnakan kajian ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti yang memberikan saya peluang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh. Ucapan terima kasih juga kepada pengarah dan rakan-rakan di tiga buah Kolej Komuniti yang membantu semasa proses kajian ini dijalankan.

Kepada penilai-penilai tesis ini diucapkan jutaan terima kasih kerana sudi membaca dan menilai penulisan ini, sudilah kiranya menegur dan memberi tunjuk ajar demi Kebaikan kita bersama. Mohon maaf atas segala kekurangan sepanjang penulisan tesis ini. Teguran membina dan nasihat yang berguna amat diperlukan untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada suami tercinta, Encik Akhyari bin Lokmanaalhakim yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan sepanjang tempoh pengajian ini. Buat anakanda tersayang Nur Arissa Amani binti Akhyari terima kasih kerana memahami mama dan sentiasa memudahkan urusan mama semasa mama dalam tempoh pengajian. Semoga kejayaan mama ini menjadi sumber inspirasi kepada anakanda untuk terus maju ke hadapan dalam menuntut ilmu. Terima kasih juga buat ibunda tersayang yang sentiasa memberi kata semangat dan serta mendoakan untuk kejayaan anakanda. Kepada ayahanda yang dikasihi terima kasih selalu memberi galakan untuk terus maju ke hadapan dalam mencapai cita-cita yang anakanda hajati. Terima kasih juga kepada kakanda dan adinda yang sentiasa memberi sokongan untuk saya terus berjaya dalam apa juga yang saya ceburi. Semoga Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas semua jasa kalian. Amin ya Rab al-Alamin).

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka secara mendalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Pelajar dalam kategori ini sering berdepan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan selepas tamat pengajian, justeru kajian ini penting untuk menilai peranan institusi, pengajar dan sokongan persekitaran dalam melancarkan proses peralihan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dan melibatkan seramai 27 orang informan dari tiga buah Kolej Komuniti yang terdiri daripada pensyarah, pegawai latihan industri, pegawai kaunseling, pelajar berkeperluan khas, pelajar tipikal dan ibu bapa. Instrumen kajian berupa protokol temu bual separa berstruktur yang telah disahkan oleh dua orang pakar dan diuji terlebih dahulu melalui kajian rintis. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelaksanaan program transisi masih belum mantap dan tidak dilaksanakan secara sistematik. Tiga tema utama dikenal pasti iaitu pengalaman pensyarah dari segi kefahaman dan latihan, strategi dan kaedah pelaksanaan seperti aktiviti simulasi, latihan industri dan pendekatan vokasional serta faktor sokongan daripada ibu bapa, industri, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi kerajaan. Kajian ini menyarankan pembangunan garis panduan pelaksanaan yang jelas, latihan berfokus kepada pendidik dan usaha bersepadu antara kolej dan pihak berkepentingan luar. Dapatan ini diharap dapat menyumbang ke arah pembangunan model pelaksanaan transisi kerjaya yang lebih berstruktur, inklusif dan mampan bagi pelajar berkeperluan khas di Malaysia.

**CAREER TRANSITION MANAGEMENT OF SPECIAL NEEDS
STUDENTS LEARNING PROBLEMS OF MALAYSIAN
COMMUNITY COLLEGES: A CASE STUDY**

ABSTRACT

This study aims to explore in depth the implementation of career transition programs for students with learning disabilities in Northern Zone Community Colleges. These students often face difficulties adapting to the working world after graduation. Therefore, this study is essential to evaluate the roles of institutions, educators and environmental support in facilitating a smoother transition. The study employed a qualitative case study design involving 27 informants from three community colleges, including lecturers, industrial training officers, counselors, students with special needs, typical students and parents. The research instrument consisted of a semi-structured interview protocol that was validated by two subject matter experts and tested through a pilot study. The findings revealed that the implementation of career transition programs remains inconsistent and lacks a systematic approach. Three key themes were identified, namely lecturers' experiences in terms of understanding and training, strategies and methods of implementation such as simulation activities, industrial training and vocational approaches, as well as support factors involving parents, industry, non-governmental organisations and government agencies. This study recommends the development of clear implementation guidelines, targeted training for educators and coordinated collaboration between colleges and external stakeholders. The findings are expected to contribute to the development of a more structured, inclusive and sustainable career transition model for students with special needs in Malaysia.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI ILUSTRASI		xi
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB I	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Persoalan Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	9
	1.7.1 Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	10
	1.7.2 Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti	10
	1.7.3 Pihak Pengurusan Kolej Komuniti	10
	1.7.4 Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti	11
	1.7.5 Pelajar Berkeperluan khas Kolej Komuniti	11
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	11
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Operasional	15
	1.10.1 Program Transisi Kerjaya (PTK)	15
	1.10.2 Kolej Komuniti	15
	1.10.3 Latihan Industri Kolej Komuniti	16
	1.10.4 Pelaksanaan Kurikulum	16
	1.10.5 Pelajar Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (PBKMK)	16
1.11	Kesimpulan	17

BAB II	TINJAUAN LITERASI	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Program Transisi Kerjaya (PTK)	18
2.3	Kepentingan Program Transisi Kerjaya Kepada Pelajar Berkeperluan Khas	19
2.4	Tipologi Program Transisi Kerjaya Untuk Pelajar Berkeperluan Khas	21
	2.4.1 Program Kerjaya di Peringkat Kementerian	22
	2.4.2 Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Berasaskan Kurikulum Di Jabatan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK)	24
2.5	Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Berasaskan Kurikulum di Sekolah	26
2.6	Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Pelajar Berkeperluan Khas	27
	2.6.1 Polisi dan Garis Panduan dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Pelajar Berkeperluan Khas	27
	2.6.2 Pengetahuan dan Kemahiran Guru	28
	2.6.3 Penglibatan Ibu Bapa	30
	2.6.4 Kolaborasi Pelbagai Agensi	31
2.7	Perkembangan Pelajar Berkeperluan Khas Masalah pembelajaran	33
2.8	Program Transisi Kerjaya di Peringkat Sekolah Dalam dan Luar negara	34
2.9	Teori dan Model Kajian	38
	2.9.2 Model Program Transisi Taksonomi	40
2.10	Kesimpulan	42
BAB III	KAEDAH KAJIAN	
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Peserta Kajian	44
3.4	Lokasi Kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	46
	3.5.1 Protokol Temu bual	47
	3.5.2 Kesahan Pakar	47
	3.5.3 Kajian Rintis	49
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	50

	3.6.1	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.7		Tatacara Penganalisa Data	52
3.8		Rumusan	56
BAB IV		DAPATAN KAJIAN	
4.1		Pengenalan	57
4.2		Bilangan Informan dan Kolej Komuniti	57
	4.2.1	Kolej Komuniti Anggerik (KKA)	58
	4.2.2	Kolej Komuniti Kenanga (KKK)	60
	4.2.3	Kolej Komuniti Ros (KKR)	62
4.3		Dapatan bagi Persoalan Kajian 1	64
	4.3.1	Tahap Kefahaman dan Kesiediaan Pensyarah	64
	4.3.2	Amalan Semasa dan Cabaran Pelaksanaan	66
	4.3.3	Persepsi terhadap Keberkesanan Program	67
	4.3.4	Rumusan Persoalan Kajian 1	69
4.4		Dapatan bagi Persoalan Kajian 2	69
	4.4.1	Pendekatan Pengajaran dan Kurikulum TVET	70
	4.4.2	Latihan Industri dan Penyesuaian Kaedah	71
	4.4.3	Inovasi dan Strategi Menyesuaikan dengan Keperluan Pelajar	73
	4.4.4	Rumusan Persoalan Kajian 2	75
4.5		Dapatan bagi Persoalan Kajian 3	75
	4.5.1	Peranan dan Sokongan Ibu Bapa	76
	4.5.2	Kolaborasi dengan Industri dan NGO	77
	4.5.3	Dasar, Garis Panduan dan Sokongan Institusi	79
	4.5.4	Rumusan Persoalan Kajian 3	80
4.6		Rumusan Dapatan	80
4.7		Rumusan	82
BAB V		PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1		Pengenalan	84
5.2		Ringkasan Dapatan Kajian	84
5.3		Dapatan Kajian	85
	5.3.1	Pengalaman Pensyarah Dalam Pelaksanaan Program Transisi	85
	5.3.2	Strategi atau Kaedah Dalam Pelaksanaan Transisi Kerjaya Yang Boleh Membantu Pelajar	87
	5.3.3	Faktor Sokongan Pelaksanaan Transisi Kerjaya Pelajar Berkeperluan Khas	89
5.4		Implikasi Kajian	91

5.5	Sumbangan Kajian	92
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	93
5.7	Rumusan Bab	94

RUJUKAN		95
----------------	--	-----------

LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	126
Lampiran B	Borang Persetujuan Temu Bual	128
Lampiran C	Instrumen Protokol Temu Bual Kategori Pensyarah	129
Lampiran C.1	Instrumen Protokol Temubual Kategori Pegawai Kaunseling	131
Lampiran C.2	Instrumen Protokol Temu Bual Pegawai Latihan Industri	133
Lampiran C.3	Instrumen Protokol Temu Bual Pelajar Berkeperluan Khas	135
Lampiran C.4	Instrumen Protokol Temu Bual Pelajar Tipikal	136
Lampiran C.5	Instrumen Protokol Temu Bual Ibu Bapa Pelajar Berkeperluan Khas	137
Lampiran D	Surat Kesahan Pakar Penyemak Kesahan Kandungan Instrumen Protokol Temu Bual	138
Lampiran E	Surat Penyemak Kesahan Bahasa Protokol Temu Bual	145
Lampiran F	Borang Semak Kesahan Tema	153

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Peserta kajian	45
Jadual 3.2	Profil Pakar Kesahan Protokol Temu Bual	48
Jadual 3.3	Cadangan Penambahbaikan Struktur Ayat oleh Pakar 1	48
Jadual 4.1	Bilangan informan dan kolej komuniti	57
Jadual 4.2	Demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Anggerik	58
Jadual 4.3	Demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Anggerik	59
Jadual 4.4	Demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Anggerik	59
Jadual 4.5	Demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Kenanga	60
Jadual 4.6	Demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Kenanga	61
Jadual 4.7	Demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Kenanga	61
Jadual 4.8	Demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Ros	62
Jadual 4.9	Demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Ros	63
Jadual 4.10	Demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Ros	63

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka konseptual	14
Rajah 2.1	Model kolaborasi dalam CIRCLES	31
Rajah 2.2	Tahap teori pembelajaran berasaskan pengalaman	39
Rajah 2.3	Model Program Transisi Taksonomi	42
Rajah 3.1	Prosedur tatacara pengumpulan data	52
Rajah 3.2	Langkah menganalisis dan menginterpretasikan data kajian	53
Rajah 4.1	Tema-tema bagi Objektif 1: Pengalaman Pensyarah dalam Pengurusan Transisi Kerjaya	64
Rajah 4.2	Tema-tema bagi Objektif 2: Strategi dan Kaedah Pelaksanaan	70
Rajah 4.3	Tema-tema Objektif 3 Mengkaji faktor sokongan	76

SENARAI SINGKATAN

CIRCLES	Communicating Interagency Relationship And Collaborate Linkages For Exceptional Student
IDEA	Individuals with Disabilities Education Act
IEP	Individual Education Program
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KKA	Kolej Komuniti Anggerik
KKK	Kolej Komuniti kenanga
KKR	Kolej Komuniti Ros
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSMPK	Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas
MBK	Murid Berkeperluan Khas
NKRA	National Key Result Area
OKU	Orang kurang upaya
PeSTeC	Perlis Special Teen Centre
PK	Pendidikan Khas
PLPP	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan
PLTV	Pendidikan Latihan Teknikal Dan Vokasional
PPDK	Program Pemulihan Dalam Komuniti
PPM	Pembangunan Pendidikan Malaysia
Pre-ETS	Pre-Employment Transition Service
PTK	Program Transisi Kerjaya
PTOKU	Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya
SOCSSO	Social Security Organization

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Program Transisi Kerjaya (PTK) pelajar berkeperluan khas merupakan satu proses pembangunan dalam menyediakan latihan dan kemahiran bagi membentuk pelajar berkeperluan khas supaya bersedia menempuh dunia pekerjaan sebenar. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar berkeperluan khas bermasalah pembelajaran tentang alam pekerjaan yang sebenar serta memenuhi kehendak industri apabila tamat sekolah kelak (Norizan & Kama 2023). Pelajar bermasalah pembelajaran diklasifikasikan sebagai pelajar berkeperluan khas yang mempunyai masalah dari segi kognitif dan lemah dari segi keupayaan untuk menjalankan tugas harian yang memerlukan kemahiran membaca, menulis dan matematik (Eseadi 2024). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan satu perancangan bagi memenuhi keperluan murid bermasalah pembelajaran untuk kebolehpasaran dengan menyediakan PTK kepada pelajar berkeperluan khas. Program ini membantu membentuk tingkah laku pelajar berkeperluan khas dari segi mental, emosi dan psikologi pelajar berkeperluan khas untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran dan bersedia untuk bekerja serta menghadapi alam kedewasaan selepas meninggalkan alam persekolahan (Mohamad Fitri & Mohd Mokhtar 2021).

Keutamaan fokus dan keprihatinan terhadap PTK ini telah meningkat sejak wujudnya Akta *Individuals with Disabilities Education Act* (IDEA 2004) yang diwujudkan bagi memastikan keperluan pendidikan khas terjaga, terutamanya dalam pelan pelaksanaan PTK (Lambert et al. 2023). IDEA menggambarkan transisi sebagai satu set aktiviti berorientasikan hasil yang disusun berdasarkan kurikulum vokasional

supaya pelajar berkeperluan khas dapat berkembang dari segi kemahiran dan juga advokasi diri, serta dapat meningkatkan kebolehpasaran dan peluang pekerjaan kepada pelajar berkeperluan khas setelah tamat persekolahan (Kama, Abdul Rahim & Mohd Hafiz 2020).

Di Malaysia, terdapat garis panduan tentang PTK bagi pelajar berkeperluan khas, tetapi pelaksanaan program tersebut tidak dinyatakan dengan jelas (Zakaria, Widyastono & Yamtinah 2023). Namun begitu, terdapat sesetengah sekolah yang telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan PTK dengan menggunakan penyesuaian tersendiri sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996; Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017). Walau bagaimanapun, bakat dan kemahiran pelajar berkeperluan khas harus dibimbing dan mempunyai perancangan yang teliti untuk memberikan kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan minat pelajar berkeperluan khas serta memenuhi keperluan industri kelak.

Selain itu, kepentingan pelaksanaan transisi kerjaya tidak dapat dinafikan lagi dalam membantu pelajar berkeperluan khas untuk bersedia menghadapi cabaran ke kedewasaan. Selain itu, pelaksanaan program transisi ini melibatkan kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas. Perancangan dari segi kurikulum dalam garis panduan perlulah berasaskan kepada kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas (Anizam, Manisah & Norhayati 2020). Maka dengan itu, pelbagai proses perlu diperhalusi bagi menjayakan program transisi dengan melibatkan pelbagai pihak, termasuk guru, ibu bapa serta industri yang memainkan peranan dalam menentukan kejayaan PTK pelajar berkeperluan khas (Nur Liyana & Khairul Farhah 2024). Oleh yang demikian, pengalaman dan pengetahuan guru dalam memberi kemahiran kepada pelajar berkeperluan khas yang diperlukan di industri perlu diberi perhatian yang khusus. Selain itu, sokongan daripada ibu bapa seperti memberi galakan serta bimbingan penting untuk memberi motivasi kepada pelajar untuk menjalankan program transisi. Sokongan ibu bapa dapat memberikan keyakinan kepada pelajar berkeperluan khas untuk melibatkan diri dalam PTK (Musfirah Nalini & Aliza 2023). Akhir sekali, pihak industri perlu memberi peluang kepada pelajar berkeperluan khas untuk merasai pengalaman sebenar semasa PTK dilaksanakan. Dengan ini, kerjasama dari semua pihak dalam mengatur strategi dan memberikan kemahiran yang diperlukan dalam PTK

sekaligus boleh meningkatkan kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas serta mempersiapkan mereka bagi menempuh alam kedewasaan kelak.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Matlamat utama pendidikan dan latihan bagi pelajar berkeperluan khas adalah untuk menyediakan individu berkeperluan khas dengan kemahiran dan keterampilan yang diperlukan untuk membolehkan mereka hidup berdikari apabila mereka dewasa (Bridges et al. 2020). Pelbagai perancangan dan program peralihan transisi kerjaya dilakukan dalam bentuk kurikulum dalam bidang vokasional serta menambah baik perancangan dalam advokasi diri pelajar berkeperluan khas untuk peralihan kedewasaan (Jones 2023). Pendidikan ke arah kerjaya adalah penting untuk menyediakan pelajar berkeperluan khas bagi mengembangkan kemahiran advokasi diri serta berdikari dalam komuniti dan menghadapi kehidupan kerjaya selepas persekolahan (Mohd Arshad 2022). Maka, KPM telah menggariskan satu garis panduan PTK sebagai rujukan bagi melaksanakan program tersebut (KPM 2017). Di dalam PTK, pelajar berkeperluan khas mendapat latihan dan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi keperluan persekitaran kerja (Kama, Abdul Rahim & Mohd Hafiz 2020).

Di dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022, di dalam Teras Strategik 2, antara objektifnya adalah memperkasakan dan meningkatkan ekonomi golongan OKU sama ada di peringkat kerajaan ataupun swasta. Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Kementerian Pembangunan Wanita 2016). Mengikut data statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, populasi OKU di Malaysia yang telah berdaftar sehingga tahun 2021 adalah seramai 621,248 OKU (Masyarakat 2023). Namun, daripada jumlah tersebut, hanya 0.54% yang berjaya memperoleh pekerjaan daripada pelbagai sektor (Kementerian Sumber Manusia 2022). Oleh hal yang demikian, jumlah OKU yang berjaya memperoleh pekerjaan masih tidak mencapai sasaran kerajaan iaitu 1% OKU yang bekerja. Manakala, berdasarkan laporan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi 2021, graduan OKU yang mendapat pekerjaan hanyalah 59%, selebihnya 41% masih mencari pekerjaan yang sesuai dan ada juga dalam kalangan pelajar berkeperluan khas yang mengalami masalah

kesihatan dan sukar mendapatkan pekerjaan (Kementerian Pengajian Tinggi 2022). Hal ini menunjukkan bahawa jumlah OKU yang mendapat pekerjaan dan aktif dalam kebolehpasaran amatlah terbatas dan memerlukan perhatian serta strategi bagi meningkatkan keupayaan kebolehpasaran dan kerjaya golongan OKU.

Berdasarkan statistik OKU yang bekerja, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran OKU bermula di peringkat sekolah (Kama, Abdul Rahim & Mohd Hafiz 2020). Oleh itu, Kerajaan Malaysia telah meluluskan Dasar OKU dan Pelan Tindakan OKU bagi menunjukkan komitmen kerajaan terhadap keperluan orang OKU. Intipati dalam Dasar OKU, salah satunya adalah memberi mereka hak yang sama dan peluang untuk menyertai masyarakat (Nur Dayana et al. 2022). Dasar Akta OKU 2008 menyediakan hak yang sama rata dalam semua aspek kehidupan, termasuk pendidikan, kesihatan, pekerjaan, pengangkutan awam, keselamatan, budaya dan rekreasi. Akta OKU 2008, khususnya, menyediakan hak dalam konteks pekerjaan dalam Seksyen 29(1) hingga (3).

Pelbagai usaha daripada kerajaan telah dijalankan bagi menjayakan matlamat untuk menempatkan pelajar berkeperluan khas dalam pekerjaan. Penglibatan semua pihak bermula daripada sekolah, guru, ibu bapa, komuniti dan pelajar berkeperluan khas amat penting dalam menjayakan PTK (Rowe et al. 2021). Pengetahuan guru dalam pelaksanaan PTK dianggap penting untuk persediaan yang berkesan kepada pelajar berkeperluan khas untuk mencapai keberhasilan program transisi (Ookeditse & Mukhopadhyay 2021). Peranan ibu bapa juga dianggap penting dalam melaksanakan PTK. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (KPM 2013) dalam perkara kesembilan menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam membentuk pendidikan yang menyeluruh. Penglibatan ibu bapa dapat memberikan kelebihan kepada peningkatan pelajaran anak-anak mereka (Ahmad Asmawi & Khairul Farhah 2020). Selain daripada sokongan daripada pihak sekolah, guru serta ibu bapa, pelaksanaan daripada segi kurikulum memainkan peranan penting.

Di dalam PTK menerapkan kurikulum berasaskan vokasional (KPM 2017). Pendidikan vokasional ialah program latihan atau pendidikan yang berasaskan teknologi yang bertujuan untuk menyediakan tenaga separa mahir dan mahir dengan

keupayaan untuk berdikari dan memperoleh kemahiran asas, pengetahuan dan kefahaman yang diperlukan untuk menangani cabaran dalam kehidupan seharian (Anizam Mohamed Yusuf, Maniasah Mohd Ali 2020). Seiring dengan kepentingan pendidikan vokasional, Transformasi Pendidikan Vokasional menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2020 telah menjalankan program rintis laluan alternatif untuk pendidikan vokasional pada peringkat menengah berusia 13 tahun sehingga 15 tahun di 15 buah sekolah. Sehubungan dengan itu, dalam persediaan bagi pelajar berkeperluan khas untuk membuka peluang pekerjaan, kurikulum yang bersesuaian serta aktiviti perlu dibangunkan dalam melaksanakan PTK bagi pelajar berkeperluan khas mendapat tempat di pekerjaan.

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas memerlukan perhatian yang khusus dalam konteks pendidikan dan membina advokasi diri dalam pekerjaan. Di dalam proses PTK melibatkan kemahiran, keterampilan sosial, emosi dan kemandirian. Selain daripada pendidikan yang formal, pelbagai usaha oleh kementerian dijalankan bagi menaik taraf dasar pendidikan OKU serta peluang pekerjaan, tetapi masih wujud kelemahan dan kekurangan yang memerlukan penambahbaikan (Nur Dayana et al. 2022).

Walaupun kementerian telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan dasar pendidikan dan peluang pekerjaan OKU, terdapat kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki (Nur Dayana et al. 2022). Bermula dengan PTK yang dilaksanakan di sekolah, usaha kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar berkeperluan khas untuk bekerja perlu diperkukuh, sekali gus akan meningkatkan kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas di pasaran pekerjaan separa mahir dan mahir.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Cabaran bagi pelajar berkeperluan khas untuk mendapatkan pekerjaan amat sukar apabila tamat pengajian. Manakala berdasarkan laporan Kajian Pengesahan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi 2021, graduan OKU yang mendapat pekerjaan hanyalah 59%, manakala selebihnya 41% masih mencari pekerjaan yang sesuai dan ada

juga dalam kalangan pelajar berkeperluan khas yang mengalami masalah kesihatan dan tidak dapat bekerja (Kementerian Pengajian Tinggi 2022).

Justeru itu, KPM telah melaksanakan PTK sebagai salah satu usaha untuk mempersiapkan pelajar berkeperluan khas untuk bekerja apabila tamat pengajian. Namun, garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian agak sukar dilaksanakan tanpa latihan dan penerangan yang jelas kepada pensyarah Kolej Komuniti. Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4, pelaksanaan transisi kerjaya dilaksanakan pada tahun 2019 di peringkat sekolah. Namun, pelaksanaan program latihan industri bagi pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti masih berdepan dengan cabaran ketidaksediaan garis panduan khusus. Sehingga kini, institusi ini masih bergantung kepada garis panduan latihan industri yang diterbitkan pada tahun 2017, yang pada asasnya dibangunkan untuk pelajar arus perdana (Kementerian Pendidikan Tinggi 2024). Penggunaan panduan ini, walaupun bermanfaat untuk pelajar tipikal, mungkin kurang sesuai untuk memenuhi keperluan unik pelajar berkeperluan khas. Ini kerana pelajar berkeperluan khas memerlukan sokongan yang lebih khusus, termasuk bimbingan yang lebih terperinci dan fleksibiliti dalam pelaksanaan latihan industri untuk memastikan persediaan mereka untuk dunia pekerjaan lebih holistik dan berkesan.

Transisi kerjaya di peringkat sekolah merupakan satu sokongan khusus dalam memastikan pelajar berkeperluan khas lepasan sekolah bersedia untuk bekerja (Musfirah Nalini Abd Rashid & Aliza Alias 2023). Pelajar berkeperluan khas memerlukan bimbingan apabila bekerja dari segi pengurusan diri, kesediaan tempat kerja serta kawalan emosi pelajar berkeperluan khas dan sebagainya. Namun demikian, dari segi pelaksanaan transisi kerjaya, 23.3% daripada kalangan guru tidak pasti dan tidak tahu mengenai modul dan garis panduan transisi kerjaya (Norizan & Kama 2023). Guru pendidikan khas bersedia untuk pelaksanaan transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas, namun pendedahan yang diberikan tidak konsisten dari segi latihan, taklimat dan kursus berkaitan pelaksanaan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas, yang menjadikan transisi kerjaya ini kurang berkesan (Nur Syazmimie & Syar Meeze 2023). Di samping itu, selain daripada pengetahuan dan pengalaman guru, strategi atau kaedah transisi kerjaya yang boleh membantu pelajar berkeperluan ini

diterima di alam pekerjaan selepas tamat pengajian perlu diberi penekanan. Menurut Nur Liyana dan Khairul Farhah (2024), pendekatan dan cara pelaksanaan transisi kerjaya guru memainkan peranan penting untuk merancang pelaksanaan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas. Jika pelaksanaan strategi dan kaedah yang jelas dijalankan semasa proses transisi kerjaya, ia akan memudahkan hala tuju pelajar berkeperluan khas untuk menempatkan diri ke alam pekerjaan, tetapi pelaksanaan strategi dan kaedah masih di tahap kurang/rendah (Mohamad Fitri Tordin & Mohd Mokhtar Tahar 2021).

Pelaksanaan program transisi kerjaya untuk pelajar berkeperluan khas bukan sahaja bergantung kepada kesediaan dan komitmen guru, tetapi juga memerlukan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk ibu bapa, pihak industri, NGO, dan agensi kerajaan. Setiap pihak memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat peluang yang sama dalam dunia pekerjaan. Namun, cabaran utama yang perlu diatasi adalah persepsi pihak industri terhadap pelajar berkeperluan khas, yang masih berada pada tahap sederhana (Jones, 2023). Oleh itu, pelaksanaan strategi dan kaedah perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk melihat keberkesannya dalam membantu pelajar berkeperluan khas diterima di alam pekerjaan. Selain itu, faktor sokongan seperti penglibatan ibu bapa, penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta industri dalam menjalinkan kolaborasi di antara pihak institusi dalam melaksanakan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas merupakan aspek yang penting. Terdapat segelintir ibu bapa yang tidak memberi sokongan dan melepaskan tanggungjawab kepada guru dalam melaksanakan transisi kerjaya (Ahmad Asmawi & Khairul Farhah 2020). Menurut (Mohamad Fitri Tordin & Mohd Mokhtar Tahar 2021), ibu bapa tidak mempunyai kesedaran yang mencukupi dan mereka tidak bersedia untuk melaksanakan program transisi dan hanya bertindak secara pasif.

Selain itu, keyakinan industri dan NGO yang terlibat dengan pelajar berkeperluan khas ini untuk menjalin kolaborasi dengan institusi masih pada tahap sederhana (Goodall et al. 2022). Selain itu, kolaborasi antara agensi dan industri juga menjadi isu, yang mana guru masih tidak memahami bahawa peranan kolaborasi yang baik dapat membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan pekerjaan (Ní Bhroin &

King 2020). Maka, kepentingan dalam menyediakan sokongan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas amat penting dalam memberi arah panduan kepada pelajar berkeperluan khas untuk mempersiapkan diri memasuki dunia pekerjaan. Oleh yang demikian, pengurusan transisi kerjaya dijadikan fokus kajian untuk meneroka dengan lebih jelas tentang pengurusan dalam pelaksanaan transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Malaysia.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pensyarah Kolej Komuniti Zon Utara dalam melaksanakan PTK bagi pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Zon Utara. Dalam konteks pendidikan khas, PTK merupakan komponen penting yang bertujuan untuk menyediakan pelajar berkeperluan khas dengan kemahiran, pengetahuan, dan pengalaman yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia pekerjaan. Namun, keberkesanan program ini banyak bergantung kepada kesediaan pensyarah dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pembimbing dan fasilitator dalam proses transisi ini. Kesediaan ini merangkumi aspek seperti keterlibatan pihak berkepentingan, komitmen pensyarah, serta tahap pengetahuan dalam mengenal keperluan industri dan pasaran kerja yang relevan.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi atau kaedah yang digunakan oleh pensyarah dalam pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas. Bagaimana strategi yang dilaksanakan dapat membantu pelajar untuk menempuh alam pekerjaan apabila tamat persekolahan. Seterusnya, kajian ini turut meneroka keterlibatan pihak berkepentingan, termasuk ibu bapa, industri, NGO, dan agensi kerajaan, dalam menyokong pelaksanaan PTK. Keterlibatan ini penting kerana sokongan berterusan daripada pelbagai pihak dapat memperkukuhkan keberkesanan program ini. Misalnya, kolaborasi dengan industri boleh menyediakan peluang latihan amali, manakala sokongan daripada NGO dan agensi kerajaan boleh membantu menyediakan sumber dan kemudahan yang diperlukan untuk pelajar berkeperluan khas.

Akhirnya, kajian ini akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan PTK serta peluang yang boleh dimanfaatkan untuk memperkukuhkan sokongan terhadap pelajar berkeperluan khas. Secara

keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan pensyarah dalam memperkasakan pelajar berkeperluan khas melalui PTK, serta menyediakan asas untuk memperbaiki pendekatan dan strategi pelaksanaan program ini di Kolej Komuniti.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pelaksanaan transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas Kolej Komuniti Zon Utara. Objektif kajian ini diperincikan seperti berikut:

1. Meneroka pengalaman pensyarah dalam pengurusan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Zon Utara.
2. Meneroka strategi atau kaedah dalam pelaksanaan transisi kerjaya yang boleh membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan pekerjaan.
3. Mengkaji faktor sokongan pelaksanaan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian yang dikemukakan, persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Zon Utara?
2. Bagaimanakah strategi atau pendekatan dalam pelaksanaan transisi kerjaya yang boleh membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan pekerjaan?
3. Apakah faktor sokongan yang membantu dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas?

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Pelaksanaan Pengurusan PTK kepada pelajar berkeperluan khas perlu dikaji untuk melihat dan mengetahui sejauh mana pelaksanaan transisi kerjaya dilaksanakan bagi

mencapai matlamat kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas. Pelaksanaan kajian perlu dilaksanakan bagi melihat kekuatan dan kelemahan sesuatu pelaksanaan. Justeru itu, melalui kajian ini diharap dapat memberi panduan yang berguna kepada pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan PTK kepada pelajar berkeperluan khas, iaitu:

1.7.1 Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Hasil daripada dapatan kajian ini dapat memberi manfaat yang positif terhadap pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas. Selain itu, JPPKK dapat mewujudkan piawaian yang sesuai bagi pelaksanaan PTK bagi pelajar berkeperluan khas dengan meneliti kurikulum sedia ada supaya ia lebih relevan dan kompetitif, serta memasukkan elemen seperti keusahawanan, advokasi diri dan kemahiran berkomunikasi dalam persediaan pelajar berkeperluan khas untuk bekerja.

Selain itu, kajian ini dapat dijadikan garis panduan dalam perancangan latihan atau program kepada pensyarah yang terlibat dalam menguruskan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas. Latihan yang lebih menjurus kepada pengurusan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas dapat membantu pensyarah dalam memberi bimbingan yang terbaik semasa PTK ini dilaksanakan.

1.7.2 Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti

Hasil kajian ini dapat membantu pensyarah lebih memahami keperluan transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas. Selain itu, pensyarah dapat mengatur strategi serta mengukuhkan lagi program transisi yang sedia ada dengan melihat program-program yang akan dilaksanakan serta kurikulum yang dapat membantu dalam pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas. Selain daripada mengukuhkan program transisi, hasil dapatan ini juga dapat membantu pensyarah dalam memahami masalah pelajar dari segi psikologi serta bagaimana PTK dapat mempengaruhi masa depan pelajar berkeperluan khas.

1.7.3 Pihak Pengurusan Kolej Komuniti

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang positif terhadap pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas Kolej Komuniti di negara ini. Pihak Jabatan

Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) akan dapat menyediakan sokongan yang lebih komprehensif dalam merancang strategi dan menyediakan kurikulum yang lebih kompetitif dan relevan untuk memantapkan kemahiran dan keupayaan berdikari bagi pelajar berkeperluan khas untuk mempersiapkan diri menempuh alam kedewasaan. Kajian ini juga dapat menjadi panduan asas dalam merancang program-program ke arah transisi kerjaya, berkolaborasi bersama agensi dan juga dapat meningkatkan kefahaman guru dalam memberi pengajaran dan pembelajaran dalam proses transisi kerjaya. Selain itu, dengan adanya pendedahan yang diberikan kepada guru, mereka akan lebih kreatif dan inovatif dalam menjayakan PTK di Kolej Komuniti.

1.7.4 Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti

Penglibatan ibu bapa dan komuniti memainkan peranan penting dalam PTK pelajar berkeperluan khas. Hasil daripada kajian ini dapat menjelaskan kepentingan penglibatan dan sokongan ibu bapa serta komuniti dalam melaksanakan PTK. Selain itu, pihak Kolej Komuniti dapat mengatur strategi yang lebih baik dan berkesan bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan transisi kerjaya. Melalui kajian ini, ia dapat membantu ibu bapa serta komuniti memahami PTK serta memberi sokongan dari segi meningkatkan advokasi diri pelajar berkeperluan khas serta dapat memahami keperluan transisi kerjaya bagi masa depan anak-anak apabila telah tamat pengajian dan akan bekerja.

1.7.5 Pelajar Berkeperluan khas Kolej Komuniti

Hasil daripada kajian ini, pelajar berkeperluan khas akan lebih memahami PTK sebelum tamat pengajian. Mereka juga akan lebih bersedia untuk mengikuti program tersebut, di samping dapat mengenal pasti minat dan membuat keputusan yang tepat dalam memilih industri atau tempat latihan yang bersesuaian. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal, serta advokasi diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Pembentukan kerangka konseptual dalam kajian pelaksanaan transisi kerjaya dalam kalangan pelajar berkeperluan khas Masalah Pembelajaran di Kolej Komuniti: Satu

Kajian Kes, menggabungkan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (Kolb 1984) dan Model Program Transisi Taksonomi. Gabungan ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana pelaksanaan PTK untuk pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, serta mengambil kira aspek pengalaman pembelajaran, faktor sokongan, dan strategi pelaksanaan yang lebih holistik.

Secara teorinya, Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (Kolb 1984) memberi kesan terhadap pengalaman dalam pengurusan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas, dan menjadi panduan hala tuju kajian ini. Teori ini mengaplikasikan empat elemen utama, iaitu: (i) pengalaman pembelajaran, (ii) pemerhatian, (iii) pengumpulan maklumat dan membuat keputusan, serta (iv) pelaksanaan pembelajaran yang diperoleh dalam kelas ke dalam konteks sebenar semasa PTK. Teori ini mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap hasil pembelajaran dan dapat menghasilkan pembelajaran yang optimum serta membentuk keyakinan pelajar (Soraya, Martasari & Nurhasanah 2020).


Seterusnya, Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (Kolb 1984) diperkukuh dengan penggunaan Model Program Transisi Taksonomi (Kohler 1996) yang membincangkan aspek struktur program, perancangan berasaskan pelajar, penglibatan keluarga, kerjasama integrasi, dan penilaian pelajar. Dalam Model Program Transisi Taksonomi (Kohler, 1996), terdapat lima komponen utama, iaitu: (i) struktur program, (ii) perancangan berasaskan pelajar, (iii) penglibatan keluarga, (iv) kerjasama integrasi, dan (v) penilaian pelajar.

Oleh yang demikian, penggunaan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Model Program Transisi Taksonomi merupakan pendorong utama kepada pelaksanaan transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas. Gabungan kerangka teoretikal ini juga memainkan peranan penting dalam menjawab persoalan kajian berkaitan pengalaman pensyarah, strategi pelaksanaan, dan faktor sokongan dalam pengurusan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas. Melalui Teori Kolb, pengalaman konkrit seperti latihan amali dan simulasi pekerjaan memberi peluang kepada pensyarah untuk membimbing pelajar berkeperluan khas dalam memahami dunia pekerjaan yang

sebenarnya. Pensyarah turut berperanan dalam memupuk kemahiran reflektif, membina konsep abstrak, serta memberi ruang kepada pelajar untuk menguji pengetahuan mereka dalam situasi sebenar. Ia merupakan suatu aspek yang penting dalam membentuk keyakinan dan kemahiran kerja pelajar (Kolb, 1984). Pendekatan ini adalah selari dengan Model Program Transisi Taksonomi, yang menekankan struktur program yang sistematik, perancangan berasaskan pelajar, penglibatan keluarga, kerjasama dengan industri, serta penilaian berterusan untuk memastikan pelajar benar-benar bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan (Landmark, Ju & Zhang, 2010).

Model Program Transisi Taksonomi turut menekankan pentingnya penglibatan keluarga dan kerjasama integrasi dengan pihak industri sebagai faktor sokongan kritikal dalam kejayaan transisi kerjaya pelajar (Morningstar et al., 2012). Pensyarah memainkan peranan utama dalam memastikan semua pihak berkepentingan terlibat secara aktif dalam proses ini, termasuk menilai kemahiran pelajar secara berterusan bagi memastikan mereka benar-benar bersedia untuk dunia pekerjaan (Trainor, 2017). Gabungan kedua-dua model ini menyediakan rangka kerja yang holistik dan menyeluruh, yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek teknikal, tetapi turut merangkumi aspek psikologi dan sosial yang diperlukan untuk memastikan pelajar berkeperluan khas dapat berjaya dalam kerjaya mereka.

Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual yang diadaptasi dan diubahsuai daripada kerangka konseptual pelaksanaan program transisi yang menggunakan teori pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb (Kolb 1984) dan diadaptasi dan diubahsuai dari model program transisi taksonomi (Kohler 1996).



Rajah 1.1 Kerangka konseptual

Sumber: Adaptasi dan diubah suai dari model program transisi taksonomi (1996)

1.9 BATASAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka program pengurusan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Kajian yang dijalankan mempunyai batasan kajian supaya skop kajian yang dilaksanakan tidak terlalu meluas. Kajian perlu berfokus di peringkat Zon Utara kerana faktor kursus bidang yang dipelajari adalah dalam kluster yang sama, iaitu bidang Hospitaliti.

Fokus kajian ini menggunakan sumber data primer iaitu 27 informan terdiri daripada kalangan pensyarah, pegawai latihan industri, pegawai kaunseling, pelajar tipikal, pelajar berkeperluan khas dan ibu bapa Kolej Komuniti Zon Utara. Kajian ini hanya menggambarkan fenomena dalam populasi tersebut. Pemilihan informan berfokus kepada pensyarah yang mengajar pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran. Kajian ini berfokus kepada pelajar berkeperluan khas masalah

pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara yang masih belum menyeluruh mempunyai garis panduan tentang PTK. Kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur. Dapatan kajian ini bergantung kepada kerjasama dan kejujuran yang diberikan oleh pensyarah Kolej Komuniti Zon Utara.

1.10 DEFINISI OPERASIONAL

Penggunaan beberapa istilah dalam definisi operasional penting bagi mengelakkan kekeliruan dalam mentakrif kajian ini. Oleh yang demikian, definisi yang digunakan perlulah jelas. Istilah yang dinyatakan ini berkaitan dengan kajian supaya ia dapat membantu memberikan penjelasan yang lebih baik tentang kajian yang dilaksanakan secara keseluruhan.

1.10.1 Program Transisi Kerjaya (PTK)

Program transisi kerjaya (PTK) adalah program pembangunan kemahiran dan sokongan kepada pelajar berkeperluan khas yang dilaksanakan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Program ini memberi sokongan dari segi advokasi diri, emosi, psikologi serta minda untuk membantu pelajar berkeperluan khas menyesuaikan diri dengan persekitaran, individu dan komuniti di sekolah, keluarga, tempat latihan, dan tempat kerja (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017). Selain itu, transisi juga ditakrifkan sebagai peralihan MBK dari alam persekolahan kepada pekerjaan apabila tamat sekolah (Mohd Zainol et al. 2019a). Namun begitu, dalam konteks MBK masalah pembelajaran, transisi merupakan gabungan aktiviti melalui hasil dapatan yang membentuk murid dari segi kemahiran, emosi dan persekitaran untuk diadaptasikan apabila MBK telah tamat sekolah dan akan bekerja (She et al. 2023). Oleh yang demikian, dalam kajian ini, PTK merujuk kepada garis panduan PTK MBK, iaitu peralihan dari alam persekolahan ke alam pekerjaan.

1.10.2 Kolej Komuniti

Kolej Komuniti merupakan sebuah institusi di bawah pengurusan Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Konsep pembelajaran dan penilaian lebih menekankan kepada aspek praktikal berbanding teori.

Pelajar perlu menjalani latihan industri sebagai syarat tamat pengajian di Kolej Komuniti. Kewujudan Kolej Komuniti telah membuka peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setempat untuk meneruskan pengajian di peringkat sijil. Ini kerana Kolej Komuniti dibangunkan di kawasan komuniti. Kurikulum yang digunakan dalam pengajian lebih terarah kepada Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET). Selain itu, Kolej Komuniti mewujudkan peluang, membangunkan potensi, dan mencapai matlamat melalui pendidikan dan latihan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini akan memfokuskan tentang keperluan Kolej Komuniti dalam pelaksanaan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas.

1.10.3 Latihan Industri Kolej Komuniti

Latihan industri merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia oleh pihak industri yang dipilih, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (Komuniti 2016). Latihan industri yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada PTK yang dijalankan di Kolej Komuniti yang memenuhi keperluan sebelum menjalani latihan industri pada akhir semester pengajian.

1.10.4 Pelaksanaan Kurikulum

Kurikulum terdiri daripada pelbagai aspek tertentu yang bertujuan memberi pembelajaran, menyediakan aktiviti terancang, pengalaman dan hasil pembelajaran kepada pelajar (Schubert 2018). Pelaksanaan kurikulum merupakan pembangunan yang dirancang bagi menghasilkan bahan pengajaran, penilaian dan kaedah pembelajaran yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengikut kesesuaian terhadap program yang dilaksanakan (Abdulrasyid, Muhammad Azhar & Ghazali 2020). Sehubungan itu, pelaksanaan kurikulum dalam kajian ini merujuk kepada pelaksanaan kurikulum berdasarkan keperluan dalam merancang pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada keperluan pengurusan pelaksanaan PTK di Kolej Komuniti.

1.10.5 Pelajar Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (PBKMK)

Istilah berkeperluan khas merujuk kepada murid berkeperluan khas yang telah diperakui oleh pengamal perubatan sebagai mempunyai pelbagai kategori masalah iaitu

penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal ataupun masalah pembelajaran (Nurul Fatimah et al. 2024). Selain itu, murid berkeperluan khas berbeza daripada kanak-kanak tipikal dari segi mental, keupayaan deria, tingkah laku fizikal, sosial mahupun emosi yang memerlukan pengubahsuaian dalam pembelajaran bagi meningkatkan keupayaan mereka secara optimum (Abdullah 2017). Dalam kajian ini, istilah pelajar berkeperluan khas yang digunakan di peringkat Kolej Komuniti membawa maksud yang sama seperti istilah murid berkeperluan khas yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti mempunyai masalah pembelajaran dan proses pengajaran serta pembelajaran disesuaikan berasaskan kurikulum Teknik dan Vokasional (TVET).

1.11 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bab Satu bermula dengan memberikan penerangan tentang latar belakang umum yang menjurus kepada objektif serta tujuan utama kajian pengurusan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas Kolej Komuniti di tiga buah Kolej Komuniti Zon Utara. Seterusnya, di dalam bab ini diberi pemahaman yang jelas kepada pembaca mengenai pernyataan masalah, tujuan kajian, fasa-fasa penyelidikan dan istilah operasional yang digunakan dalam kajian ini. Dalam bab berikutnya, penyelidik akan menerangkan berkaitan teori dan model yang digunakan berdasarkan sorotan kajian.

BAB II

TINJAUAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini akan dikupas dengan lebih mendalam tentang Program Transisi Kerjaya (PTK) pelajar berkeperluan khas. Dapatan kajian terdahulu, sama ada dari dalam negara mahupun luar negara, akan dibincangkan. Bab ini juga akan membincangkan kepentingan PTK, tipologi dilema pelaksanaan dan juga perkembangan pelajar berkeperluan khas yang mengikuti PTK ini.

2.2 PROGRAM TRANSISI KERJAYA (PTK)

PTK dilaksanakan untuk memberi kursus dan pengalaman kepada pelajar berkeperluan khas agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran pekerjaan, memperoleh kemahiran serta memenuhi permintaan pasaran pekerjaan apabila tamat persekolahan (Brenner & Dymond, 2023). Selain itu, jika dilihat PTK di luar negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat, program ini dianggap mempunyai kepentingan yang amat ketara dalam membimbing pelajar berkeperluan khas seawal usia 14 tahun di sekolah, dan beberapa badan berkepentingan seperti majikan, ibu bapa dan juga pelajar boleh berbincang dan mengatur strategi bagi menjayakan PTK kerana terdapat masa yang panjang untuk merancang perjalanan program dengan lebih baik (Fujino & Sato, 2022). Perancangan awal yang diberikan akan memberi kelebihan kepada pelajar berkeperluan khas untuk meneroka potensi diri serta menyesuaikan diri di tempat kerja sebenar (Lambert et al., 2023). Di Malaysia, transisi kerjaya yang bermula di peringkat awal dapat mencapai matlamat yang ditetapkan kerana adanya guru pembimbing serta badan berkepentingan. Berbanding di Malaysia, PTK pelajar berkeperluan khas bermula seusia 16 dan 17 tahun, iaitu di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Oleh yang demikian, dengan perancangan yang teliti

dalam pelaksanaan PTK, pelajar berkeperluan khas dapat dilatih dengan lebih berkesan untuk memenuhi keperluan melangkah ke alam pekerjaan.

2.3 KEPENTINGAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA KEPADA PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Transisi Kerjaya merupakan satu proses peralihan atau transformasi yang akan dilalui oleh pelajar berkeperluan khas dari persekitaran persekolahan ke dunia pekerjaan. Perubahan dari segi emosi dan tingkah laku akan berlaku disebabkan oleh perubahan persekitaran. Oleh yang demikian, khidmat sokongan yang bersesuaian perlu disediakan bagi mempersiapkan pelajar berkeperluan khas untuk berdikari dan beralih ke fasa seterusnya (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017).

Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius kepentingan kerjaya bagi golongan OKU. Di dalam Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4), iaitu pendidikan sama rata kepada golongan OKU, kerajaan mensasarkan hak yang sama rata dalam pendidikan teknikal dan vokasional serta di institusi pengajian tinggi, agar golongan ini berpeluang mendapat pendidikan yang sewajarnya. Dengan garis panduan yang diberikan, PTK telah diwujudkan di sekolah-sekolah untuk memberi latihan kerjaya, sekaligus membuka peluang pekerjaan kepada pelajar berkeperluan khas (Chin 2023).

PTK pelajar berkeperluan khas merupakan program pembangunan kemahiran dan sokongan kepada pelajar berkeperluan khas. Bagi mengukuhkan lagi pembangunan kemahiran, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kementerian Pendidikan Malaysia telah mentransformasikan pendidikan vokasional supaya tidak mengabaikan keperluan golongan ini (RMK-10). Pendidikan kemahiran vokasional merupakan laluan pendidikan alternatif untuk menyokong penambahbaikan dalam bidang lain terhadap MBK, di mana golongan ini perlu didedahkan kepada realiti kehidupan selepas tamat persekolahan melalui satu program yang sistematik, iaitu PTK (Syazwani, Wan Norfadila & Reezlin 2020). Program transisi yang diperkenalkan lebih menumpukan kepada kemahiran vokasional, memandangkan pelajar berkeperluan khas menghadapi banyak kesukaran dalam mempelajari dan menguasai kemahiran vokasional yang melayakkan mereka untuk bekerja (Kama 2019).

Di samping itu juga, program ini memberi sokongan dari segi psikologi, emosi dan minda untuk membantu pelajar berkeperluan khas menyesuaikan diri dengan persekitaran, individu, komuniti sekolah, keluarga dan tempat kerja. PTK merupakan gabungan aktiviti berdasarkan keperluan serta mengambil kira minat pelajar dan kehendak pasaran kerja (Arzulyna, Noor Aini & Mohd Khaidir 2021). Selari dengan usaha pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas ini, kerajaan juga memandangkan program transisi sebagai satu keutamaan bagi memberi peluang kerjaya yang sebenar apabila pelajar berkeperluan khas tamat program tersebut. Berdasarkan Pekeliling Bil. 10/1988 dan yang dipertimbangkan semula melalui Pekeliling Bil. 3/2008, kerajaan telah membuka peluang satu peratus kepada golongan OKU dalam sektor awam. Pada tahun 2022, dasar ini telah dijadikan KPI kepada semua kementerian dan perlu dicapai menjelang hujung tahun 2022.

Selain itu, jika dilihat PTK di luar negara iaitu Jepun dan Amerika Syarikat, program ini dianggap mempunyai kepentingan yang amat ketara dalam membimbing pelajar berkeperluan khas seawal usia 14 tahun di sekolah, dan beberapa badan berkepentingan yang terlibat seperti majikan, ibu bapa dan juga pelajar boleh berbincang serta mengatur strategi bagi menjayakan PTK kerana masa yang panjang untuk merancang perjalanan program dengan lebih baik (Fujino & Sato 2022). Perancangan awal yang diberikan akan memberi kelebihan kepada pelajar berkeperluan khas untuk meneroka potensi diri serta dapat menyesuaikan diri di tempat kerja sebenar (Lambert et al. 2023). Di Malaysia, transisi kerjaya yang bermula di peringkat awal dapat mencapai matlamat yang ditetapkan kerana guru pembimbing serta badan berkepentingan memainkan peranan. Berbanding di Malaysia, PTK pelajar berkeperluan khas bermula seusia 16 tahun dan 17 tahun, iaitu di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017).

Selain itu, terdapat juga cabaran dalam melaksanakan PTK pelajar berkeperluan khas. Hal ini berlaku disebabkan oleh sikap dan minat pelajar semasa program ini dijalankan (Madinah, Mohd Hanafi & Mahidin 2016). Kekurangan masa untuk membimbing pelajar bagi menjayakan program transisi ini juga merupakan salah satu cabaran bagi guru (Noraini Abdullah & Noryani Md Yusof 2017). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa PTK pelajar berkeperluan khas ini memainkan peranan penting

dalam mencorak masa depan dan minat pelajar berkeperluan khas untuk menempuh alam pekerjaan. Oleh yang demikian, kerajaan memandang kerjaya OKU sebagai satu kepentingan dalam menyumbang kepada ekonomi negara serta mencapai matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4) di Malaysia.

2.4 TIPOLOGI PROGRAM TRANSISI KERJAYA UNTUK PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

rogram transisi kerjaya merupakan satu komponen dalam keperluan pelajar berkeperluan khas. Program ini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar berkeperluan khas dalam menghadapi cabaran kehidupan selepas tamat persekolahan, terutamanya bagi aspek pekerjaan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa tipologi yang dapat memberi garis panduan dalam mencapai matlamat keperluan PTK untuk pelajar berkeperluan khas. Pembinaan struktur PTK pelajar berkeperluan khas juga diberi perhatian. Garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kurikulum berasaskan Teknik dan Vokasional serta pelajar berkeperluan khas ini akan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia. Mata pelajaran bagi kemahiran vokasional ini diwujudkan untuk membantu para guru menyediakan pelajar berkeperluan khas dengan pasaran kerja yang diperlukan oleh pihak industri (Nur Hazwanie, Isa & Mohd Hanafi 2020). Kurikulum bagi transisi kerjaya vokasional merupakan satu sukatan pelajaran yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengajar MPV Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017).

PTK merupakan program yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan juga peringkat pengajian tinggi, iaitu di Politeknik dan juga Kolej Komuniti yang mempunyai Program Sijil Asas Kemahiran. Selain daripada peringkat sekolah dan juga IPT, terdapat juga alternatif daripada badan-badan swasta yang mengambil bahagian dalam melaksanakan PTK kepada pelajar berkeperluan khas berdasarkan polisi dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Di negara Barat, terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam menjalankan PTK seperti pemulihan vokasional untuk golongan OKU yang akan melatih golongan OKU dalam kemahiran vokasional dan mencari peluang pekerjaan (Taylor et al. 2022).

2.4.1 Program Kerjaya di Peringkat Kementerian

Kerajaan Malaysia amat cakna dengan masa depan OKU. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan untuk membuka peluang kepada golongan OKU bekerja dan merancang masa depan mereka dengan lebih baik. Berdasarkan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016–2022, kerajaan mencari solusi untuk menyelesaikan masalah dalam meningkatkan penyertaan OKU di dalam pasaran pekerjaan dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan (Aizan Sofia, Nur Saadah & Mohd Iqbal 2018).

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu golongan OKU mendapat pekerjaan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kesejahteraan OKU dipertingkatkan dengan memperluaskan lagi peluang pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan bagi golongan ini. Antara usaha kerajaan bagi membuka peluang golongan OKU membuat persediaan ke arah transisi kerjaya adalah seperti Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP), Bengkel Daya atau Terlindung, dan Program Perkhidmatan *Job Coach*. Program-program ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

a. Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP)

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP) merupakan salah satu inisiatif kerajaan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberi perkhidmatan kepada OKU fizikal melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. Menerusi Belanjawan 2022, pusat latihan PLPP ini telah berjaya melahirkan seramai 30 orang usahawan OKU melalui program yang ditawarkan (Bernama 2022). Program ini menawarkan latihan vokasional dan keusahawanan dalam pelbagai kursus, iaitu Kursus Pembuatan Pakaian Wanita, Kursus Pengurusan Pejabat, Kursus Pemasangan Elektrik, Kursus Prostetik dan Ortotik, dan akhir sekali, Kursus Fabrikasi Logam khusus untuk pembuatan kerusi roda. Semua kursus yang ditawarkan membolehkan pelatih OKU mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Menurut Pengarah JKM, Datuk Shahrudin Abu Sohot, kebanyakan pelatih OKU akan ditawarkan pekerjaan selepas tamat mengikuti kursus.

Fungsi PLPP ini bukan sahaja memberi kursus kepada OKU yang berumur antara 18 hingga 40 tahun, tetapi unit ini juga mewujudkan hubungan dengan bakal majikan atau agensi kerajaan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang membuka peluang pekerjaan kepada OKU. Selain itu, ia turut menyokong OKU dalam meningkatkan keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, kepimpinan serta sahsiah diri.

b. Bengkel daya atau terlindung

Bengkel Daya atau bengkel terlindung merupakan salah satu daripada institusi yang mengurus dan membantu golongan OKU untuk bekerja (Mohd Syazwan & Harwati 2019). Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Bengkel Daya ini dikenali sebagai "workshop terlindung" yang ditubuhkan pada tahun 1979. Ia terkandung dalam mandat JKM yang digariskan oleh undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa, iaitu Senarai Bersama Perlembagaan Malaysia ke-7. Bengkel Daya atau bengkel terlindung direka untuk memberikan peluang kepada OKU untuk membina advokasi diri, bersosialisasi dengan rakan sebaya, serta membuka peluang pekerjaan.

Selain itu, Bengkel Daya ini ditubuhkan khas untuk golongan OKU yang tidak berdaya saing bagi pekerjaan terbuka (Rosmawati 2010). Bengkel Daya juga menyediakan kursus-kursus vokasional dan membuka peluang pekerjaan bagi golongan OKU. Antara peluang pekerjaan yang terdapat di Bengkel Daya adalah seperti jahitan, sulaman, roti dan pastri, dobi, peruncitan, dan restoran. Terdapat dua Bengkel Daya yang beroperasi di Malaysia, iaitu Bengkel Daya di Sungai Petani, Kedah dan Bengkel Daya di Klang, Selangor.

c. Program Perkhidmatan Job Coach

Program *Job Coaching* merupakan latihan dan sokongan yang diberikan kepada pekerja OKU oleh beberapa badan atau agensi bagi membantu mereka mempelajari dan melaksanakan tugas pekerjaan serta kemahiran interpersonal yang diperlukan untuk menempatkan diri dalam alam pekerjaan (Noor Fatimah & Abdul Halim 2020). *Job Coach* merupakan projek kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Individu yang dilantik sebagai

jurulatih memainkan peranan penting dalam mewujudkan persefahaman antara pekerja, majikan, dan rakan sekerja dengan OKU supaya mereka dapat terus bekerja serta meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penyesuaian persekitaran kerja, ruang kerja, dan pengambilan kira terhadap kebolehan individu OKU (Noor Fatimah & Hamidi 2023).

Program latihan *Job Coaching* ini bukan sahaja disediakan untuk individu OKU tetapi turut menjadi salah satu bentuk kerjasama antara pihak JKM dan sekolah PPKI dalam melaksanakan PTK pelajar berkeperluan khas (Nuraisyah Adnie 2021). Penubuhan sokongan *Job Coaching* amat penting bagi pelajar berkeperluan khas dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan selepas tamat pengajian. Namun begitu, kemudahan ini masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan pelajar berkeperluan khas yang memerlukan sokongan ini (Rohaizat, Abdul Rahim & Nabilah 2021). Inisiatif yang disalurkan oleh kerajaan dalam membantu golongan OKU merupakan usaha yang baik. Oleh itu, pelaksanaan program *Job Coach* ini wajar diperluaskan ke peringkat yang lebih tinggi dengan kerjasama antara pihak NGO dan industri bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada pelajar berkeperluan khas dan golongan OKU yang memerlukan pekerjaan.

2.4.2 Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Berasaskan Kurikulum Di Jabatan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Pendidikan merupakan komponen penting dalam memperkasakan sosioekonomi negara. Berdasarkan kepentingan pendidikan dan kehendak industri ke arah pendidikan teknikal dan vokasional, satu perancangan telah diadakan untuk menubuhkan institusi pendidikan yang memenuhi keperluan tersebut (Nur Zamahuri et al. 2021). Jabatan Politeknik yang pertama telah diwujudkan pada tahun 1969, iaitu Politeknik Ungku Omar di Ipoh, Perak. Kursus yang ditawarkan pada masa itu lebih berfokus kepada kemahiran. Melihat kepada senario dan permintaan daripada pihak industri serta keperluan pendidikan terhadap TVET, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah menyahut seruan dengan membuka 36 buah politeknik di Malaysia (JPPKK 2019).

Penubuhan Kolej Komuniti adalah hasil perbincangan dan persetujuan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 2000. Pada 5 Julai 2000, Kolej Komuniti telah

ditubuhkan di setiap kawasan parlimen (Suriyaty et al. 2021). Seperti yang tercatat dalam memorandum Menteri Pendidikan, objektif utama Kolej Komuniti adalah untuk mewujudkan pendidikan dan latihan yang berkualiti serta setaraf dengan permintaan industri. Ia juga menjadi laluan kepada pelajar lepasan menengah. Selain itu, Kolej Komuniti menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan pengetahuan dan ekonomi komuniti setempat.

Berdasarkan keperluan pendidikan, politeknik dan Kolej Komuniti telah membuka kursus Sijil Kemahiran di politeknik dan Sijil Asas Kemahiran di Kolej Komuniti yang berpandukan kurikulum TVET bermula pada tahun 2003 (JPPKK 2019). Kerajaan turut memperkenalkan dasar dan garis panduan inklusif OKU di institusi pengajian tinggi, yang membolehkan pelajar OKU bebas untuk belajar dan menempatkan diri di institusi serta membuka peluang untuk menjalani kehidupan dan memperoleh pekerjaan yang lebih baik pada masa akan datang (KPM 2019). Dalam kurikulum politeknik dan Kolej Komuniti, selain daripada kurikulum berasaskan TVET, PTK turut dilaksanakan bagi pelajar berkeperluan khas. Pelbagai program dan inisiatif institusi dilaksanakan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar berkeperluan khas tentang PTK. Antaranya termasuk program keusahawanan, program Job Malaysia, dan sesi *career talk* yang dapat membuka minda, minat serta hala tuju kerjaya pelajar. Selain bidang kemahiran, penerapan kemahiran keusahawanan dianggap sebagai satu nilai tambah kepada kebolehgajian pelajar berkeperluan khas dalam membina kerjaya (Anizam Mohamed Yusuf, Maniasah Mohd Ali 2020). Pendedahan dalam bidang keusahawanan membolehkan seseorang itu lebih berkeyakinan, memperoleh maklumat dan pengetahuan, serta terdorong untuk menceburi bidang keusahawanan (Nurhidayati, Norasmah & Radin Siti Aisyah 2024). Selain itu, pihak JPPKK sentiasa menganjurkan program *career talk* dan *leadership* kepada pelajar untuk memberi inspirasi dan membantu pelajar berkeperluan khas mengenal pasti arah tuju mereka (Mohd Farhan 2021).

Kejayaan program-program ini dalam memberi sokongan kepada transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas dapat dilihat semakin memberi kesan positif kepada mereka. Dalam satu kenyataan oleh Pn. Zainab Othman, Pengarah Bahagian Kompetensi dan Kerjaya, beliau menyatakan bahawa terdapat pelajar berkeperluan

khas yang berjaya menonjolkan diri dalam bidang yang diceburi dan turut menyertai pertandingan antarabangsa melalui kerjasama dengan industri, sekali gus membantu mengasah bakat pelajar berkeperluan khas.

2.5 PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA BERASASKAN KURIKULUM DI SEKOLAH

PTK MBK merupakan program pembangunan kemahiran dan sokongan yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan psikologi, emosi, dan minda MBK untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran, individu, dan komuniti di sekolah, keluarga, tempat latihan, dan tempat kerja. Pelaksanaan program ini berasaskan kurikulum vokasional berbentuk kemahiran yang selaras dengan kehendak industri. Dalam Pelan Strategik Interim Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2011–2020, PTK diperkenalkan bagi mencungkil bakat dan meningkatkan kebolehpasaran MBK, di samping menambah nilai insaniah dan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan.

Kurikulum pendidikan khas terbahagi kepada tiga kumpulan murid, iaitu dalam spektrum ketidakupayaan ringan, sederhana, dan teruk, dengan pelbagai tahap kefungsiian dari tinggi hingga rendah. Kurikulum ini telah digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan direka bentuk secara fleksibel bagi membolehkan guru mengembangkan bakat serta potensi sedia ada dalam kalangan pelajar. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2017. Kurikulum ini digubal bagi memenuhi keperluan dasar di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, dengan kandungan yang selari dengan standard antarabangsa dan sesuai dengan keperluan pelajar berkeperluan khas (Malaysia 2019). Kurikulum program transisi dilaksanakan dengan mengintegrasikan pelbagai projek vokasional praktikal termasuk penempatan latihan transisi yang strategik di bengkel atau industri, bagi memberikan pengalaman kerja sebenar kepada MBK sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan (Nur Hazwanie, Isa & Mohd Hanafi 2020). Penyusunan kurikulum kemahiran yang selari dengan PTK menunjukkan keberkesanan apabila pelajar

berkeperluan khas berjaya menempatkan diri dalam industri atau memperoleh pekerjaan (Lindstrom & Beno 2020).

Oleh itu, pelaksanaan PTK yang berkesan memerlukan sokongan kurikulum yang tepat untuk mencapai matlamat program. Perancangan yang teliti, persekitaran pembelajaran yang kondusif, serta akses kepada pembelajaran yang bersesuaian membolehkan MBK menguasai kemahiran vokasional dengan lebih baik, sekali gus meningkatkan peratusan golongan OKU yang berkerjaya.

2.6 PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KEJAYA PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas sering menjadi perhatian sama ada di peringkat sekolah, dalam kalangan guru, ibu bapa, pihak industri mahupun agensi bukan berkepentingan (NGO). Walaupun terdapat polisi dan garis panduan yang telah digariskan oleh pihak berwajib, pelaksanaan PTK bagi pelajar berkeperluan khas masih berdepan dengan pelbagai rintangan. Antara cabaran utama yang dihadapi termasuklah tahap pemahaman terhadap konsep transisi kerjaya, pernyataan dasar yang kurang jelas, sikap dan sokongan ibu bapa, penerimaan murid, kekangan dalam penyediaan tempat latihan dan pekerjaan, serta isu berkaitan faktor kewangan.

2.6.1 Polisi dan Garis Panduan dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Pelajar Berkeperluan Khas

Dasar pendidikan negara menekankan keperluan pendidikan khas yang memastikan program pendidikan yang ditawarkan sesuai dan relevan dengan kebolehan individu, agar pelajar berkeperluan khas mampu berdikari dan menjalani kehidupan yang berkualiti (Saiful Azam 2017). Selaras dengan itu, *The Individuals with Disabilities Education Act* (IDEA) turut menekankan kepentingan pelaksanaan PTK, yang berfungsi membantu murid untuk berdikari serta bersedia menghadapi cabaran selepas tamat persekolahan dan memasuki alam pekerjaan (Mohamad Fitri Tordin & Mohd Mokhtar Tahar 2021). Namun begitu, pelaksanaan PTK di peringkat dasar masih menghadapi kekaburan dari segi prosedur, disebabkan ketiadaan punca kuasa yang jelas mengenai pelaksanaannya (Rosmiza et al. 2019b). Norizan dan Kama (2023) juga menyatakan bahawa tiada dasar atau garis panduan khusus yang mengawal pelaksanaan

program transisi, dan kebanyakan program dijalankan atas inisiatif sekolah masing-masing.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, KPM telah meluluskan Garis Panduan Transisi Kerjaya Pelajar Berkeperluan Khas Sekolah Menengah (Malaysia, 2019). Garis panduan ini merujuk kepada peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-Peraturan Pendidikan yang berkaitan, serta Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350). Justeru itu, garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berperanan sebagai rujukan rasmi kepada pihak sekolah dan agensi-agensi berkaitan dalam melaksanakan PTK bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK). Dengan adanya garis panduan ini, semua pihak yang terlibat termasuk pihak pengurusan, guru, dan badan berkepentingan dapat merancang serta melaksanakan PTK secara lebih terancang, terstruktur dan sistematik, sekali gus meningkatkan keberkesanannya.

2.6.2 Pengetahuan dan Kemahiran Guru

Menurut laporan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada 31 Oktober 2021, terdapat 43,532 pelajar berkeperluan khas dalam tiga program yang ditawarkan oleh MBK iaitu Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif. Berdasarkan laporan tersebut, guru perlu melatih murid-murid mereka yang mempunyai keperluan khas untuk transisi kerjaya dan menyediakan mereka bagi persediaan dalam pekerjaan (Malaysia 2019). Perancangan PTK perlu mempunyai strategi bagi mendapat impak yang baik semasa dan selepas program dijalankan. Perancangan yang teliti serta susunan silibus yang sesuai dapat memberikan maklum balas yang positif kerana murid akan mendapat pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk melangkah ke dunia pekerjaan (Nuraisyah Adnie 2021). Oleh demikian, perancangan PTK perlu mempunyai strategi bagi mendapat impak yang baik semasa dan selepas program dijalankan. Terdapat cabaran dalam memahami dan melaksanakan PTK untuk menentukan silibus yang sesuai agar dapat memberikan maklum balas yang positif kerana murid akan mendapat pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk melangkah ke dunia pekerjaan (Imai, Maebara & Yaeda 2023). Bagi mencapai matlamat tersebut, guru perlu mempersiapkan pelajar berkeperluan khas

dengan kemahiran yang diperlukan bagi mencapai kualiti untuk pasaran kerja yang diperlukan oleh industri (Azahari, Hamzah & Mohd Yasin 2020).

Namun, persediaan guru dalam pelaksanaan PTK ini masih di tahap rendah disebabkan kebanyakan guru yang mengajar pendidikan khas terdiri daripada guru aliran akademik dan bukannya dari guru vokasional (Nur Hazwanie, Isa & Mohd Hanafi 2020). Faktor ini terjadi kerana kurang pendedahan tentang keperluan transisi kerjaya dari segi kursus atau seminar yang berkaitan dengan kemahiran dan cara untuk melaksanakan PTK (Noraini Abdullah & Noryani Md Yusof 2017). Selain itu, majoriti guru pendidikan khas bukan opsyen vokasional menjadikan proses untuk melaksanakan program transisi agak sukar untuk pelajar berkeperluan khas (Selvam & Ardzulyana 2022).

Pendapat Mursyida dan Norshidah (2021) mengatakan tahap pengetahuan guru yang tinggi mampu menerjemahkan pengetahuan serta mengembangkan kemahiran yang ada kepada pelajar berkeperluan khas. Guru pendidikan khas yakin bahawa PTK ini dapat membantu MBK untuk bekerja apabila tamat sekolah, tetapi guru kurang yakin dengan kemahiran dan pengetahuan bagi mengendalikan program ini (Nur Syazmimie & Syar Meeze 2023). Pendapat ini juga disokong oleh Norizan dan Kama (2023) serta Nur Syazmimie dan Syar Meeze (2023) yang mengatakan tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PTK mengikut garis panduan adalah tinggi, tetapi terdapat juga sebilangan kecil guru yang tidak mengetahui bagaimana untuk menjalankan PTK kepada pelajar berkeperluan khas.

Secara keseluruhannya, penglibatan guru memainkan peranan penting dalam menjayakan PTK bagi pelajar berkeperluan khas untuk menempuh dunia pekerjaan. Kesediaan guru dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap memainkan peranan penting untuk memberi pendedahan yang terbaik kepada pelajar berkeperluan khas. Setiap pelajar berkeperluan khas perlu diberi peluang untuk meneroka dan mengalami dunia pekerjaan sebelum mereka tamat persekolahan, sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (KPM 2013) melahirkan pelajar OKU yang boleh berdikari dan bekerjaya.

2.6.3 Penglibatan Ibu Bapa

Keperluan bagi pelajar berkeperluan khas untuk melangkah ke pasaran pekerjaan merupakan satu keperluan yang perlu dititikberatkan. Dalam era globalisasi dan persaingan kerja yang semakin meningkat, sokongan yang mendalam diperlukan untuk peralihan pelajar berkeperluan khas daripada pendidikan di sekolah ke dunia pekerjaan. Di sini, penglibatan ibu bapa merupakan satu elemen utama dalam memastikan serta menjayakan PTK ini berjalan lancar. Keluarga merupakan sumber sokongan yang berterusan dan berpengaruh dalam membina masa depan pelajar berkeperluan khas (Schutz et al. 2022). Sokongan ini bukan sahaja dari segi membenarkan pelajar menjalani transisi kerjaya, tetapi juga dari segi pengetahuan, kerjasama dan persiapan untuk pelajar berkeperluan khas bekerja (Sigstad & Garrels 2023).

Walaupun bagaimanapun, terdapat kajian yang mengatakan bahawa sebilangan kecil ibu bapa tidak mahu melibatkan diri dalam pengurusan anak-anak berkeperluan khas dan menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada guru (Rosmiza et al. 2019b). Pendapat ini tidak selari dengan dapatan daripada kajian Musfirah Nalini dan Aliza (2023) yang mengatakan bahawa ibu bapa mengambil berat, memberi sokongan dan komited dalam setiap aktiviti yang terlibat di sekolah. Masalah yang timbul adalah pengetahuan dan pendedahan tentang transisi kerjaya yang tidak diterangkan dengan jelas oleh pihak guru dan pengurusan sekolah (Musfirah Nalini & Aliza 2023). Dalam PTK, ibu bapa bertanggungjawab membuat keputusan dari segi melepaskan anak mereka untuk menjalani program transisi serta memastikan kebajikan mereka dijaga semasa program dijalankan (Norizan & Kama 2023). Guru perlu bekerjasama dengan ibu bapa dalam menerangkan peranan mereka dalam PTK. Terdapat pelbagai bentuk penyampaian maklumat kepada ibu bapa seperti taklimat, risalah mengenai transisi kerjaya serta penyediaan senarai majikan bagi tujuan rujukan apabila anak mereka menjalani program transisi (Cavendish et al. 2020).

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Khas telah mengeluarkan satu modul kepada ibu bapa bagi memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan pelajar berkeperluan khas (Mohamad Hisyam Mohd Hashim & Siti Nor Idayu Mohd Nassir

2017). Penglibatan ibu bapa dalam memberi idea, pendapat serta perkongsian tingkah laku pelajar berkeperluan khas ini sangat membantu dalam menjayakan PTK.

2.6.4 Kolaborasi Pelbagai Agensi

Kolaborasi dengan pelbagai agensi merupakan elemen utama dalam menjayakan PTK. Kerjasama ini melibatkan pelbagai pihak daripada institusi pendidikan, industri serta organisasi yang memberi sokongan kepada pelajar berkeperluan khas, dan sektor swasta adalah antara pihak yang terlibat secara langsung serta bekerjasama dalam transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas. Elemen kerjasama yang wujud dalam kolaborasi ini dapat dikaitkan dengan model *Communicating Interagency Relationships and Collaborative Linkages for Exceptional Students (CIRCLES)* yang dibina pada tahun 2010 oleh *Institute for Education Sciences* (Povenmire-Kirk et al. 2015). Rajah 2.1 menunjukkan model kolaborasi dalam CIRCLES.



Rajah 2.1 Model kolaborasi dalam CIRCLES

CIRCLES merupakan model dalam perancangan transisi kerjaya untuk membimbing institusi dalam melaksanakan kerjasama kolaborasi antara agensi. Terdapat tiga peringkat kolaborasi yang terlibat, iaitu pasukan komuniti, pasukan institusi, dan pasukan perancangan transisi. Pasukan komuniti berperanan sebagai agensi luar yang menawarkan perkhidmatan untuk transisi kerjaya serta membantu menyelesaikan masalah semasa penerimaan pelajar berkeperluan untuk menjalani transisi kerjaya. Pasukan komuniti merupakan industri atau badan berkepentingan seperti NGO dan badan berkanun yang membantu dalam proses pelaksanaan transisi kerjaya murid berkeperluan khas (Mitchell & Deardorff 2024). Manakala bagi pasukan institusi, ia berperanan sebagai pemberi sokongan dan pencari peluang kolaborasi

dalam menjalankan transisi kerjaya. Bagi perancangan transisi, ia adalah peranan pensyarah untuk merancang dan menyediakan pelan tindakan bagi pengurusan transisi kerjaya serta menjadi penghubung kepada semua pihak dalam pelaksanaan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas.

Kerjasama yang diwujudkan merupakan satu peranan, tanggungjawab, strategi komunikasi, dan langkah kerjasama bagi mencapai matlamat transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas yang lebih baik dan berkualiti (Hussein 2021). Selain itu, kerjasama pelbagai agensi dianggap berkesan dalam mencapai matlamat transisi kerjaya kerana ia menggabungkan pelbagai keperluan yang berbeza bagi mendapatkan pembelajaran yang komprehensif untuk meningkatkan kualiti program transisi (Maebara & Yaeda 2021). Kerjasama dengan agensi secara aktif antara pihak sekolah dapat memberi kesan yang positif dalam merangka dan bertukar-tukar pendapat tentang kurikulum dan keperluan industri dalam mempersiapkan pelajar berkeperluan khas untuk transisi kerjaya (Mohd Syazwan & Harwati 2019).

Walau bagaimanapun, terdapat juga majikan yang mempunyai tanggapan negatif terhadap pelajar berkeperluan khas untuk menerima mereka bekerja. Tanggapan ini berlaku apabila sesetengah majikan merasakan mereka tidak dapat menerima pelajar berkeperluan khas kerana dianggap tidak berkeupayaan menjalankan tugas yang diberikan (Isaruddin, Mohammad Wafiq & Aizan Sofia 2018). Sementara itu, terdapat juga majikan yang pada awalnya menyambut baik kolaborasi bersama sekolah dan menerima pelajar berkeperluan khas untuk transisi kerjaya, tetapi selepas melihat pelajar tidak dapat menyesuaikan diri, mereka menolak pelajar tersebut disebabkan masalah komunikasi dan tingkah laku yang tidak sesuai berada di premis majikan (Karhina, Ineland & Vikström 2022). Dalam situasi ini, guru memainkan peranan penting dalam membantu majikan memahami tingkah laku pelajar berkeperluan khas. Komunikasi dan kolaborasi yang berterusan akan membantu dalam menjayakan PTK agar kedua-dua pihak memahami tugas dan keperluan masing-masing (Mohd Zulkarnain & Aliza 2017).

2.7 PERKEMBANGAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

Perkembangan pelajar berkeperluan khas dalam transisi kerjaya bergantung kepada tahap penerimaan dan keupayaan mereka dalam menerima latihan atau program yang dijalankan oleh pensyarah (Seriayuna 2019). Pelajar masalah pembelajaran mempunyai kesukaran dalam menginterpretasikan pembelajaran yang dipelajari. Mereka disahkan secara profesional klinikal dan ditakrifkan sebagai individu yang mengalami kecacatan dalam proses pembelajaran (Lehman 2018). Maka, tahap penerimaan pelajar berkeperluan khas adalah berbeza-beza. Pensyarah perlu memainkan peranan dalam menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mempertingkatkan perkembangan pelajar tersebut (Kumaran & Govindapillai 2020). Pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam perkembangan pelajar berkeperluan khas, terdiri daripada pensyarah, penglibatan ibu bapa, majikan dan juga pemantauan kemajuan diri.

Di dalam perkembangan pelajar berkeperluan khas, kesesuaian program juga memainkan peranan penting. Kama (2019) mengatakan bahawa dengan memberi latihan serta pengalaman kerja kepada pelajar berkeperluan khas dapat memberi perkembangan yang baik kepada mereka selepas tamat persekolahan dan menempuh alam pekerjaan. Selain itu, perkembangan murid yang efektif dapat meningkatkan pengetahuan mereka, mengembangkan kemahiran, dan memberikan panduan untuk mengaplikasikan kemahiran serta peluang yang diberikan berdasarkan pengalaman kerja (Mohamad Hisyam & Siti Nor Idayu 2018). Oleh itu, sokongan pelbagai pihak juga memainkan peranan dalam perkembangan pelajar berkeperluan khas dalam melaksanakan PTK agar dapat memberi semangat dan motivasi kepada mereka.

Selain itu, sokongan ibu bapa juga memainkan peranan utama dalam perkembangan pelajar berkeperluan khas. Ahmad Asmawi dan Khairul Farhah (2020) mengatakan bahawa penglibatan ibu bapa dapat mempengaruhi tingkah laku serta perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan pencapaian anak di sekolah. Keterlibatan ibu bapa secara aktif dalam proses transisi boleh meningkatkan keyakinan diri dan motivasi pelajar untuk berjaya dalam kerjaya. Walaupun begitu, perlu ada penilaian bagi melihat perkembangan pelajar berkeperluan khas dalam pelaksanaan transisi kerjaya.

Oleh yang demikian, pemantauan berterusan dan penilaian kemajuan adalah penting untuk memastikan program transisi mencapai matlamatnya. Penilaian berkala membolehkan penyesuaian dibuat pada pelan transisi, memastikan bahawa pelajar terus menerima sokongan yang relevan dan berkesan. Dengan pendekatan yang komprehensif dan bersepadu, serta kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat, pelajar berkeperluan khas dapat dibimbing dengan berkesan dalam transisi ke dunia kerja.

2.8 PROGRAM TRANSISI KERJAYA DI PERINGKAT SEKOLAH DALAM DAN LUAR NEGARA

Pendekatan pendidikan yang strategik terhadap persediaan kerjaya pelajar berkeperluan khas merupakan aspek yang penting selepas tamat persekolahan. Transisi kerjaya melibatkan perkembangan kemahiran berdikari dan juga memperkukuhkan keupayaan individu untuk berinteraksi dalam lingkungan kerja yang kompetitif (Sullivan & Al Ariss 2021). Antara usaha pihak KPM dalam menjayakan PTK ialah dengan mewujudkan pelbagai persediaan seperti keusahawanan dan program *buying seat* (Siti Nor Idayu & Mohamad Hisyam 2017). Satu garis panduan telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan PTK pelajar berkeperluan khas. Penekanan yang diberikan dalam garis panduan transisi ke kerjaya bukan sahaja merangkumi advokasi diri, tetapi secara menyeluruh melibatkan panduan bagaimana melaksanakan PTK sehingga kepada aspek bagaimana berhadapan dengan majikan untuk mendapatkan pekerjaan (KPM 2017).

Selain daripada PTK di peringkat sekolah di Malaysia, terdapat pelbagai program transisi yang dianjurkan di luar negara. Di Amerika Syarikat, mereka telah menggariskan Akta Pendidikan *No Child Left Behind* sejak tahun 2001 dan mewujudkan program bagi pelajar berkeperluan khas seperti Program Pendidikan Individu (Individualized Education Program, IEP) dan Perkhidmatan Peralihan Pra-Pekerjaan (*Pre-Employment Transition Services, Pre-ETS*), di mana program ini akan memberikan kemahiran yang diperlukan bagi menyokong pelajar dalam mempersiapkan diri dari sekolah ke kehidupan dewasa (Johnson et al. 2020). Selain itu, program ini dapat membantu guru dan ibu bapa dalam membuat intervensi terhadap pelajar yang tercicir dan memerlukan sokongan atau mentor bagi menangani masalah

pelajar berkeperluan khas dan membantu mereka untuk maju serta mengadaptasikan kemahiran untuk kegunaan selepas tamat sekolah (Rowe et al. 2021). Walau bagaimanapun, dalam Pre-ETS, terdapat juga beberapa isu seperti minat pelajar dan kemahiran yang ditawarkan di sekolah tidak menarik minat pelajar, dan ia menjadi salah satu faktor yang menyebabkan *evidence-based practices* (EBP) ini kurang berkesan untuk advokasi diri serta membantu dalam intervensi pelajar berkeperluan khas untuk memasuki alam kedewasaan (Pfeifer et al. 2021).

Kepentingan PTK bukan sahaja di negara Barat, terdapat juga PTK bagi pelajar berkeperluan khas di negara Asia seperti Indonesia, India dan juga Jepun. Transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas ini merupakan salah satu agenda dalam pendidikan di serata negara. Di Indonesia, PTK dirancang berdasarkan hasil daripada keperluan industri, minat, bakat serta keperluan pelajar berkeperluan khas untuk mempersiapkan diri bagi transisi ke dalam pekerjaan apabila tamat persekolahan dan boleh berdikari (Farochi 2022). Selain daripada melihat keperluan, minat dan bakat pelajar berkeperluan khas, pendidikan di Indonesia juga berfokuskan kepada pendidikan kemahiran vokasional dalam melaksanakan PTK bagi menyediakan kehidupan dan keperluan asas dalam menyesuaikan diri dengan pekerjaan kelak (Khoeriah, Nur & Astuti 2021).

Pendidikan dalam kemahiran vokasional turut digunakan dalam PTK bagi pelajar berkeperluan di India. Program transisi yang melibatkan kurikulum vokasional bagi pelajar berkeperluan khas adalah untuk mengenal pasti minat dan kebolehan pelajar berkeperluan khas dalam kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan yang akan digunakan apabila melangkah ke alam pekerjaan (Ruhela & Agrahari 2024). Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam pelaksanaan program transisi pelajar berkeperluan khas di India. Antara cabaran tersebut ialah tingkah laku pelajar, kemahiran guru dalam pelaksanaan kurikulum vokasional serta sokongan daripada ibu bapa yang mempengaruhi kejayaan PTK pelajar berkeperluan khas untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, iaitu melahirkan ramai pelajar berkeperluan khas yang mampu berdikari (Vandana & Khatun 2023).

Selain daripada PTK yang berfokuskan kepada kemahiran vokasional, bimbingan dan sokongan untuk transisi dari sekolah ke kehidupan sebenar serta peluang untuk pelajar memilih kerjaya mereka juga diserapkan dalam PTK di bawah bimbingan guru-guru yang mengajar pendidikan khas (Maebara 2022). Begitu juga dengan PTK di Jepun yang lebih memfokuskan kepada kemahiran vokasional, di mana program sokongan peralihan dan bimbingan kerjaya diterapkan untuk merealisasikan kebolehpasaran pelajar serta memberi kebebasan kepada pelajar memilih kerjaya mereka (Imai, Maebara & Yaeda 2023).

Oleh yang demikian, PTK merupakan salah satu usaha dalam pendidikan untuk membuka peluang kepada pelajar berkeperluan khas agar dapat menyesuaikan diri serta mempunyai nilai tambah dalam meneruskan kehidupan selepas persekolahan. Program daripada luar dan dalam negara, terutamanya di Malaysia, menunjukkan bahawa pendidikan sentiasa memberi peluang dan prihatin terhadap keperluan transisi kerjaya kepada pelajar berkeperluan khas. Namun begitu, program-PTK ini tidak ditekankan untuk dilaksanakan di semua sekolah pendidikan khas.

a. Program Keusahawanan

Program keusahawanan merupakan projek yang dijalankan di sekolah pelajar berkeperluan khas untuk memberi pengalaman bekerja kepada MBK. Di dalam silibus kurikulum dimasukkan elemen keusahawanan. Melalui program ini, sedikit sebanyak dapat meningkatkan keyakinan MBK untuk menjalankan aktiviti jual beli di sekolah (Noraini Abdullah & Noryani Md Yusof 2017). Terdapat kajian telah membuktikan MBK bermasalah pembelajaran boleh bekerja dan berminat dalam pelbagai bidang yang menjurus kepada keusahawanan dengan sokongan pelbagai pihak (Rosmiza et al. 2019b). Kemahiran yang diberikan dalam projek usahawan di sekolah adalah berkaitan dengan kemahiran teknikal dan vokasional, seperti teknik pembungkusan, asas agronomi dalam perkebunan, serta teknik penjagaan dan pemeliharaan kenderaan. Penglibatan MBK dalam mata pelajaran berorientasikan keusahawanan ini merupakan salah satu strategi untuk membina keupayaan mereka dalam menghasilkan pendapatan secara autonomi (Shyielathy Arumugam 2020).

b. Program Buying Seat

Program *Buying Seat* adalah jaringan kolaborasi antara pihak KPM dan institusi swasta yang membuka peluang kepada MBK untuk mengikuti kursus TVET dan menjalani transisi kerjaya. Program ini merupakan satu inisiatif dalam *National Key Result Area* (NKRA) untuk memartabatkan aliran TVET di seluruh negara. Program ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan (JPMPI) Bil. 3/2011 yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 22 September 2011, dan telah meluluskan cadangan pelaksanaan transformasi pendidikan TVET.

Inisiatif program ini merupakan sebahagian daripada strategi komprehensif oleh Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PLTV), yang bertujuan untuk mengintegrasikan MBK ke dalam ekosistem pendidikan vokasional yang lebih luas dan selari dengan *Key Performance Indicator* (KPI) PLTV. Melalui program ini, MBK yang berumur antara 16 tahun hingga 18 tahun diberikan kesempatan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran di institusi swasta mahupun sektor industri dalam mencapai matlamat transisi kerjaya kepada MBK (Noraini 2017).

Objektif program ini adalah untuk memberi latihan dan tempat kerjaya kepada MBK. Selain daripada memberi latihan dan tempat pekerjaan, MBK akan dilatih tentang advokasi diri serta bagaimana cara untuk menyesuaikan diri dalam bidang pekerjaan yang diberikan. Dapatan kajian mendapati pelajar berkeperluan khas yang diberi peluang untuk menyertai PTK daripada PLTV dapat meningkatkan keyakinan MBK dan sekaligus dapat menempatkan diri dalam pekerjaan apabila tamat program tersebut (Rohaizat, Abdul Rahim & Nabilah 2021). Menurut (Nuraisyah Adnie 2021), pelaksanaan program *Buying Seat* ini dapat memberi peluang kepada MBK untuk menguasai bidang TVET dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka.


2.9 TEORI DAN MODEL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang teori dan model yang mendasari kajian. Teori yang diaplikasikan adalah teori pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb (Kolb 1984) dan model program transisi taksonomi Kohler (Kohler 1996).

2.9.1 Teori Pembelajaran berasaskan Pengalaman

Teori pembelajaran berasaskan pengalaman ditakrifkan sebagai proses yang berlaku kepada seseorang individu berdasarkan pengalaman yang melibatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor, serta menjadi panduan kepada pengalaman baharu dalam penglibatan yang berlaku (Kolb & Kolb 2022). Selain itu, pembelajaran berasaskan pengalaman merupakan perkembangan dan pertumbuhan domain kognitif, psikomotor dan afektif secara seiring tanpa mengabaikan mana-mana komponen tersebut (Hamilton et al. 2021). Ia juga menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengintegrasikan maklumat terkini yang diperolehi dengan pengetahuan terdahulu. Selain memproses maklumat, pelajar juga mempertimbangkan tahap emosi dan kemahiran sedia ada serta dapat mengaplikasikan pengetahuan baharu (Chan 2022).

Terdapat empat tahap dalam Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman, iaitu pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak, dan eksperimentasi aktif, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2 di bawah.



Rajah 2.2 — Tahap teori pembelajaran berasaskan pengalaman

Sumber: Kolb 1984

Menurut Kolb dan Kolb (2022), model kitaran pembelajaran berasaskan pengalaman terbahagi kepada empat peringkat iaitu i) Pengalaman konkrit ii) Pemerhatian refleksi iii) Konseptual abstrak dan iv) Eksperimentasi. Pada peringkat konkrit, pelajar terlibat dengan pembelajaran baharu dan dalam proses adaptasi serta melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Pada peringkat refleksi, pelajar akan memerhati dan menggunakan kemahiran serta membuat pemerhatian sebelum apa-apa tindakan akan dibuat. Peringkat konseptual abstrak, pelajar berusaha untuk menyusun dan mengatur maklumat secara sistematik dan logik ke dalam bentuk konsep, teori dan idea, dan akhir sekali, eksperimentasi aktif, individu akan membentuk sebuah kesimpulan dan pemahaman tersendiri berdasarkan apa yang telah dilalui dan diperhatikan semasa proses pembelajaran (Juwairiah et al. 2021).

Dalam pengurusan transisi kerjaya, teori pembelajaran berasaskan pengalaman membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran serta menjadikan langkah ke alam pekerjaan lebih sistematik. Bermula daripada pengalaman di dalam kelas, kemahiran yang diberikan dan akhir sekali pelajar dapat menyatukan kesemua pembelajaran menjadi pengalaman yang diperolehi dan mereka boleh mengadaptasikan apabila melaksanakan PTK. Model Kolb 1984 dapat melihat kompetensi murid menggunakan dapat mempertingkatkan pengetahuan mengikut gaya pembelajaran tersendiri. Ini

membantu murid menjadi lebih seimbang dan mampu memperkembangkan setiap gaya belajar seperti yang mana pembelajaran adalah tidak tetap tetapi dibentuk oleh pengalaman dan pilihan (Sashi Kala Krishnan 2018).

2.9.2 Model Program Transisi Taksonomi

Model Program Transisi Taksonomi yang diperkenalkan oleh Kohler (1996) merupakan kerangka yang digunakan untuk merancang, mengatur, dan menilai PTK bagi pelajar berkeperluan khas. Model ini dianggap sebagai amalan terbaik dalam menyediakan pelajar berkeperluan khas untuk menghadapi dunia pekerjaan kerana ia memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran yang berfokuskan pelajar, penglibatan keluarga, sokongan berterusan, serta kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan (Kohler et al., 2023). Rohaizat et al. (2021) menyatakan bahawa model ini mengandungi lima elemen utama yang saling berkait dan memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang holistik, selari dengan keperluan pelajar untuk mencapai kejayaan dalam alam pekerjaan.

Pertama, Perancangan Berfokuskan Pelajar menekankan kepada penilaian awal untuk mengenal pasti kekuatan dan keperluan setiap pelajar, serta menggalakkan penglibatan pelajar dalam merancang masa depan kerjaya mereka (Mohamad Fitri & Mohd Mokhtar, 2021). Kedua, Penglibatan Keluarga adalah penting untuk menyediakan sokongan moral dan emosi, serta memastikan keluarga terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran pelajar (Morningstar et al., 2012). Ketiga, Struktur Program merangkumi perancangan program yang jelas, termasuk pembangunan garis panduan, polisi, serta sumber yang mencukupi untuk menyokong pelajar dalam menghadapi cabaran pekerjaan (Kohler et al., 2023). Keempat, Kerjasama Integrasi memberi fokus kepada rangka kolaborasi antara agensi, pihak industri, dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan peluang pekerjaan dan latihan yang sesuai untuk pelajar (Carter et al., 2013). Akhir sekali, Perkembangan Pelajar merangkumi aspek penilaian berterusan, kemahiran teknikal, sokongan emosi, dan konteks pengajaran yang sesuai untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi dunia pekerjaan dengan keyakinan (Test et al., 2009). Penggunaan lima elemen ini dalam model taksonomi memberikan asas yang kukuh untuk memahami bagaimana pelajar

berkeperluan khas dapat dibimbing melalui proses transisi yang komprehensif dan berstruktur.

Model Program Transisi Taksonomi yang diperkenalkan oleh Kohler (1996) merupakan kerangka yang digunakan untuk merancang, mengatur, dan menilai PTK bagi pelajar berkeperluan khas. Model ini dianggap sebagai amalan terbaik dalam menyediakan pelajar berkeperluan khas untuk menghadapi dunia pekerjaan kerana ia memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran yang berfokuskan pelajar, penglibatan keluarga, sokongan berterusan, serta kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan (Kohler et al., 2023). Rohaizat et al. (2021) menyatakan bahawa model ini mengandungi lima elemen utama yang saling berkait dan memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang holistik, selari dengan keperluan pelajar untuk mencapai kejayaan dalam alam pekerjaan.

Seterusnya dalam Model Transisi Taksonomi, elemen yang pertama adalah perancangan berfokuskan pelajar menekankan kepada penilaian awal untuk mengenal pasti kekuatan dan keperluan setiap pelajar, serta menggalakkan penglibatan pelajar dalam merancang masa depan kerjaya mereka (Mohamad Fitri & Mohd Mokhtar, 2021). Elemen yang kedua iaitu penglibatan keluarga. Dalam elemen kedua ini menunjukkan penting untuk menyediakan sokongan moral dan emosi, serta memastikan keluarga terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran pelajar (Morningstar et al., 2012). Ketiga, struktur program merangkumi perancangan program yang jelas, termasuk pembangunan garis panduan, polisi, serta sumber yang mencukupi untuk menyokong pelajar dalam menghadapi cabaran pekerjaan (Kohler et al., 2023). Keempat, kerjasama integrasi memberi fokus kepada rangka kolaborasi antara agensi, pihak industri, dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan peluang pekerjaan dan latihan yang sesuai untuk pelajar (Carter et al., 2013). Akhir sekali, perkembangan pelajar merangkumi aspek penilaian berterusan, kemahiran teknikal, sokongan emosi, dan konteks pengajaran yang sesuai untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi dunia pekerjaan dengan keyakinan (Test et al., 2009). Penggunaan lima elemen ini dalam model taksonomi memberikan asas yang kukuh untuk memahami bagaimana pelajar berkeperluan khas dapat dibimbing melalui proses transisi yang komprehensif dan berstruktur.

Oleh yang demikian, lima elemen yang membantu dalam proses pengurusan transisi kerjaya melalui Model Program Transisi Taksonomi iaitu penglibatan ibu bapa, struktur program, kolaborasi antara agensi dan perancangan berfokuskan pelajar (Mohamad Fitri Tordin & Mohd Mokhtar Tahar 2021).



Rajah 2.3 Model Program Transisi Taksonomi

Dalam konteks ini, pemilihan penggunaan model ini bertujuan meneroka pelaksanaan transisi ke kerjaya berdasarkan lima elemen yang digunakan dan keberkesannya.

2.10 KESIMPULAN

Bab ini membincangkan konteks berkaitan PTK yang meliputi kepentingan PTK, tipologi program transisi, dilema dalam pelaksanaan program transisi, dan berakhir dengan perkembangan pelajar berkeperluan khas dalam PTK. Berdasarkan sorotan literatur, kepentingan pengalaman dalam pengurusan PTK ditonjolkan. Seterusnya, perbezaan antara negara yang menjalankan PTK diterokai dan dinyatakan dalam bab ini. Oleh itu, pengurusan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas harus dicungkil dan diberi penekanan. Selain itu, pengalaman dalam pelaksanaan dan pengurusan PTK melibatkan semua pihak, terdiri daripada pihak pengurusan, pelajar berkeperluan khas, ibu bapa dan juga pihak industri, dalam menjalankan kolaborasi supaya pengurusan PTK pelajar berkeperluan khas dapat mencapai objektif dan dilaksanakan dengan baik.

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam pengutipan data kajian (Kaharuddin, 2021). Kaedah ini menerangkan bagaimana prosedur mendapatkan data serta menganalisisnya bagi memenuhi objektif dan tujuan kajian dilaksanakan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji dengan lebih mendalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Bagi mencapai tujuan tersebut, dalam bab ini akan dibincangkan tentang reka bentuk kajian, peserta kajian, lokasi kajian, tatacara pengutipan data serta prosedur menganalisis data. Proses ini bertujuan untuk memastikan hasil kajian sahih dan boleh dipercayai serta dapat diulang kaji dalam penentuan metodologi.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kes dan kaedah kualitatif. Pemilihan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif bertujuan untuk meneroka pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan transisi ke kerjaya pelajar masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara dengan lebih mendalam. Pendekatan kaedah kualitatif memfokuskan kepada pemahaman, pengalaman, pengetahuan serta pandangan daripada responden kajian secara mendalam dan menyeluruh (Othman 2022)

Selain itu, fokus kajian kes ini adalah untuk melihat pengalaman pensyarah, isu dan cabaran serta strategi dan faktor sokongan dalam kejayaan PTK ini. Justeru itu, kajian ini akan menjurus kepada kaedah penyelidikan kualitatif yang memfokuskan

kepada PTK pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Selain itu, reka bentuk kajian kes dipilih berdasarkan faktor-faktor di atas bagi mencapai objektif kajian.

Reka bentuk kajian adalah proses pengolahan data berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap idea pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah dan pemboleh ubah yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan serta digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data kajian (Bryman 2016). Poth (2021) menekankan bahawa penyelidikan kualitatif berperanan sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data yang dilakukan secara mendalam melalui persekitaran, aktiviti, peristiwa atau individu berdasarkan kutipan data secara meluas. Selain itu, fungsi reka bentuk kajian adalah sebagai petunjuk dalam proses memungut, menganalisis dan mentafsir keputusan di dalam sesuatu penyelidikan (Fauziah et al. 2021).

Di dalam penyelidikan kualitatif terdapat beberapa jenis reka bentuk bukan eksperimental dan kajian kes merupakan salah satu daripada jenis reka bentuk yang ada dalam kajian kualitatif. Kajian kes merupakan satu reka bentuk kajian yang mana ia boleh dianalisis secara mendalam tentang individu, kumpulan, organisasi atau peristiwa terhadap suatu fenomena yang berlaku (Yin 2018).

3.3 PESERTA KAJIAN

Dalam kajian ini, kriteria informan pertama terdiri daripada pensyarah Kolej Komuniti Zon Utara yang mengajar pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran. Pemilihan pensyarah pendidikan khas sebagai informan kajian adalah bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian, iaitu pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan PTK di Kolej Komuniti Zon Utara secara mendalam dan terperinci. Informan kedua yang terlibat dalam kajian ini adalah pihak pengurusan Kolej Komuniti Zon Utara yang terdiri daripada pegawai kaunseling dan pegawai latihan industri, ibu bapa, pelajar berkeperluan khas, dan pelajar tipikal daripada Kolej Komuniti Zon Utara. Kesemua informan diperlukan bagi mendapatkan maklum balas terhadap persoalan kajian, iaitu bagaimana sokongan yang diberikan dapat membantu pelaksanaan PTK pelajar masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Dalam menjalankan kajian

kualitatif, tiada penetapan jumlah peserta yang terperinci dicadangkan (Morgan 2022). Selain itu, terdapat pendapat yang menyatakan bilangan peserta kajian kualitatif yang dicadangkan minimum adalah lima peserta kajian dan maksimum antara 10 hingga 50 peserta kajian (John W. Creswell 2018). Maka dengan itu, bilangan peserta kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 Peserta kajian

Kriteria Peserta Kajian	Jumlah Peserta
Pegawai Latihan Industri	3
Pegawai Kaunseling	3
Pensyarah	6
Pelajar tipikal	3
Pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran	6
Ibu bapa pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran	6
Jumlah	27

Oleh yang demikian, kriteria pemilihan informan kajian merupakan informan yang dapat memberikan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik. Maka dengan itu, jelaslah bahawa menggunakan teknik persampelan tujuan (purposive sampling) merupakan satu kaedah pengambilan sampel yang bersesuaian bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai pengalaman, strategi atau kaedah serta faktor sokongan dalam pelaksanaan PTK pelajar masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Penggunaan persampelan bertujuan membolehkan penyelidik mengenal pasti peserta yang mempunyai pengalaman langsung dan pemahaman yang mendalam mengenai isu yang dikaji, seterusnya memastikan data yang diperoleh adalah lebih relevan dan tepat (Palinkas et al., 2015). Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan pengumpulan data yang lebih terperinci serta dapat memahami fenomena yang kompleks seperti transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas (Patton, 2015). Dengan memilih persampelan bertujuan, kajian ini dapat menghasilkan dapatan yang lebih tepat, mendalam dan berfokus, yang seterusnya boleh memberi sumbangan yang lebih besar dalam pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara.

3.4 LOKASI KAJIAN

Pemilihan lokasi kajian bagi kajian ini melibatkan tiga buah Kolej Komuniti di Zon Utara yang dilabelkan sebagai Kolej Komuniti Anggerik, Kolej Komuniti Kenanga dan Kolej Komuniti Ros. Pemilihan lokasi kajian ini berdasarkan kepada objektif kajian untuk meneroka pengurusan transisi ke kerjaya di Kolej Komuniti Zon Utara. Selain itu, pemilihan lokasi tiga buah kolej ini adalah kerana memenuhi kriteria kajian iaitu Kolej Komuniti yang mempunyai pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran dan di bawah satu bidang pembuatan dan pemprosesan. Mengikut Kod Pendidikan Nasional (Kementerian Pengajian Tinggi 2021), bidang pastri dan pemprosesan makanan adalah di bawah satu kluster iaitu pembuatan dan pemprosesan. Di Kolej Komuniti Anggerik, bidang kursus bagi pelajar berkeperluan khas adalah kursus pemprosesan makanan. Manakala bagi Kolej Komuniti Kenanga dan Kolej Komuniti Ros, kursus yang ditawarkan adalah dalam bidang pastri dan konfeksioneri.

Pemilihan tempat kajian harus dipilih berdasarkan faktor pengayaan dan kesesuaian mengikut persoalan kajian (Eldh, Årestedt & Berterö 2020). Pendapat daripada Kalu (2017) menyatakan sesuatu lokasi kajian perlu mempunyai peluang yang tinggi dalam mengumpul data dan wujudnya minat serta kerjasama peserta kajian, serta tiada halangan dalam membuat sesuatu kajian. Oleh yang demikian, pemilihan lokasi kajian ini adalah berdasarkan kepada data dan status kursus serta kewujudan pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di dalam bidang yang sama.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merupakan satu elemen yang penting dalam menentukan jenis data yang diperoleh serta ia akan mempengaruhi jenis analisis data (Kamarul Azmi 2021). Pengutipan data dalam kajian kualitatif boleh menggunakan pelbagai instrumen melalui temubual, pemerhatian, lukisan, jawapan skrip bertulis dan dokumen (Ghazali & Sufean 2021). Bagi kajian yang menggunakan penyelidikan kualitatif, penyelidik merupakan instrumen pertama dalam pengumpulan data (Busetto, Wick & Gumbinger 2020). Oleh yang demikian, penyelidikan kualitatif bergantung kepada kebijaksanaan dan kebolehan penyelidik untuk meneroka dan mendapatkan data yang diperlukan daripada peserta kajian (Kalu 2017). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah

temubual. Sesi temubual telah dijalankan secara bersemuka bagi membolehkan penyelidik mendengar, memerhati dan memahami isu kajian yang dikaji dengan lebih terperinci. Walau bagaimanapun, dalam kaedah temubual, penyelidik perlu mahir menggunakan teknik *probing* bagi mendapatkan maklumat yang mendalam dan dapat menjawab persoalan kajian (Merriam & Tisdell 2016).

3.5.1 Protokol Temu bual

Protokol temu bual merupakan salah satu kaedah yang penting dalam kajian kualitatif (Yin 2018). Protokol temu bual dibina agar informan yang ditemu bual dapat menjawab dan menyampaikan perkara yang ingin dikongsi dengan jelas dan mendalam (Naz, Gulab & Aslam 2022). Dalam kajian ini, penyelidik menyediakan protokol temu bual menggunakan kaedah separa berstruktur. Asas bagi temu bual separa berstruktur lebih bersifat fleksibel dan membolehkan informan menghuraikan pendapat mereka dengan jelas kepada penyelidik (Othman 2022). Dalam kajian ini, penyelidik menentukan jumlah soalan dalam protokol temu bual serta menambah soalan semasa sesi temu bual berlangsung bagi mendapatkan maklumat tambahan daripada aspek yang kurang jelas. Penyediaan skrip protokol temu bual ini adalah berdasarkan beberapa panduan daripada (Husband 2020). Oleh yang demikian, berdasarkan panduan tersebut, protokol temu bual telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu: i) pengenalan dan demografi, ii) soalan transisi, iii) soalan yang menjurus kepada objektif kajian, dan iv) soalan penutup atau refleksi (Lampiran C). Dengan adanya skrip separa berstruktur ini, ia akan memudahkan proses temu bual informan dan kemungkinan untuk maklumat penting tidak disampaikan oleh informan dapat dielakkan.

3.5.2 Kesahan Pakar

Kesahan merujuk kepada ketepatan, kebolehpercayaan dan kesesuaian sesuatu instrumen dalam mengukur pemboleh ubah yang dikaji (Tseng & Sandra, 2014). Menurut Jasmi dan Kamarul Azmi (2012), kesahan berfungsi untuk memastikan bahawa setiap item dalam instrumen mampu memberikan data yang tepat dan bermakna untuk dianalisis. Pandangan ini turut disokong oleh Chua Yan Piaw (2021) yang menekankan bahawa dalam konteks penyelidikan, kesahan bertujuan menilai sejauh

mana sesuatu ukuran benar-benar mencerminkan konsep yang ingin dikaji berdasarkan keupayaan pemboleh ubah yang dibina.

Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen kajian ini, protokol temu bual telah melalui proses penilaian oleh dua orang pakar dalam bidang berkaitan, iaitu seorang pakar dalam pendidikan TVET dan seorang lagi pakar dalam bidang bahasa. Pemilihan dua pakar ini adalah bagi memastikan ketepatan dari segi kandungan temu bual serta struktur bahasa yang sesuai digunakan dalam konteks kajian kualitatif. Jadual 3.0 menunjukkan maklumat demografi kedua-dua pakar yang telah terlibat dalam proses semakan instrumen.

Jadual 3.2 Profil Pakar Kesahan Protokol Temu Bual

Pakar Penilai	Kelayakan Akademik	Kepakaran	Jawatan	Pengalaman	Institusi
Pakar 1	PhD (Gastronomi dan TVET)	Pendidikan dalam TVET	Pensyarah Kanan	21 tahun	Institusi Pengajian Tinggi Awam
Pakar 2	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Kebangsaan	Pendidikan Bahasa	Pensyarah Kanan	18 tahun	Institusi Pengajian Tinggi Awam

Hasil semakan oleh kedua-dua pakar telah membawa kepada beberapa penambahbaikan terhadap struktur ayat dalam protokol temu bual. Pakar 1 memberikan cadangan kepada bahagian demografi dan pengalaman pelajar berkeperluan khas agar susunan soalan lebih mesra pengguna serta sesuai dengan tahap kefahaman responden. Antara contoh penambahbaikan adalah seperti dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.3 Cadangan Penambahbaikan Struktur Ayat oleh Pakar 1

Soalan Asal Protokol Temu Bual	Cadangan Penambahbaikan oleh Pakar
<p><u>Bahagian A</u> Demografi Bolehkah saudara memperkenalkan diri?</p>	Boleh ceritakan tentang latar belakang diri, nama, asal, umur, pendidikan di sekolah sebelum memasuki Kolej Komuniti.
<p><u>Bahagian B</u> Pengalaman di Institusi Adakah saudara mengetahui tentang program transisi kerjaya? Boleh terangkan program tersebut.</p>	Masa mula-mula masuk ke kolej, apa jangkaan tentang belajar di kolej? Saudara mengambil kursus dalam bidang apa di kolej? Boleh terangkan tentang kursus tersebut?

Proses semakan ini telah dijalankan secara iteratif, iaitu dalam beberapa pusingan komunikasi dan maklum balas sehingga kedua-dua pakar berpuas hati dengan kesesuaian dan ketepatan item dalam protokol temu bual. Hasil penambahbaikan ini membolehkan instrumen kajian mencapai tahap kesahan kandungan yang dapat menyokong pencapaian objektif kajian dan memperkukuh integriti proses pengumpulan data dalam kajian kualitatif.

3.5.3 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan salah satu langkah penting dalam memastikan pelaksanaan kajian utama berjalan dengan lancar dan berkesan. Menurut Ghazali dan Sufean (2021), kajian rintis membantu penyelidik mengenal pasti potensi masalah yang mungkin timbul semasa pengumpulan data sebenar dan membolehkan sebarang kekeliruan berkaitan soalan atau prosedur penyelidikan diperbaiki lebih awal. Merriam dan Tisdell (2016) turut menekankan bahawa kajian rintis adalah proses asas dalam kajian kualitatif untuk menilai keberkesanan soalan temu bual serta kesesuaian pendekatan penyelidik dalam berinteraksi dengan informan.

Dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan terhadap dua orang informan yang dipilih berdasarkan kriteria yang sama seperti informan sebenar kajian utama, iaitu seorang pelajar berkeperluan khas yang mengikuti program di Kolej Komuniti dan mempunyai pengalaman berkaitan PTK serta seorang pensyarah yang telah berkecimpung dalam bidang ini untuk jangka masa agak panjang. Temu bual telah dijalankan secara bersemuka menggunakan protokol soalan yang telah dibina dan disemak terlebih dahulu oleh dua orang pakar (rujuk Bahagian 3.5.2). Proses temu bual dijalankan selama lebih kurang 45 minit, dirakam secara audio dan dilengkapi dengan nota lapangan. Semasa temu bual, penyelidik menilai aspek kefahaman informan terhadap setiap soalan, tahap interaksi yang wujud, serta kekaburan istilah yang mungkin timbul semasa proses temu bual.

Hasil daripada kajian rintis tersebut, beberapa perubahan penting telah dilakukan terhadap instrumen protokol temu bual, khususnya pada struktur ayat dan penggunaan bahasa yang lebih mudah difahami oleh informan. Sebagai contoh, soalan seperti "*Adakah saudara mengetahui tentang program transisi kerjaya? Boleh*

terangkan?” ditambah baik kepada bentuk yang lebih spesifik dan berurutan seperti *“Semasa mula-mula masuk ke kolej, apakah yang saudara tahu tentang program transisi kerjaya? Boleh terangkan program tersebut dan bagaimana ia dilaksanakan?”* Malahan pula, penyelidik turut mengenal pasti keperluan memulakan temu bual dengan soalan tidak formal, bagi membina keselesaan awal dan meningkatkan kesediaan informan untuk berkongsi maklumat secara terbuka.

Selain daripada penambahbaikan pada struktur soalan, kajian rintis juga mendedahkan kepentingan susunan logik item temu bual, di mana soalan berkaitan demografi perlu dimulakan secara santai sebelum beralih kepada tema pengalaman dan cabaran. Penyelidik seterusnya membuat penyusunan semula bahagian dalam protokol bagi memastikan kelancaran proses temu bual sebenar. Dari sudut teknikal, kajian rintis turut membantu dalam pengurusan masa, pemantauan rakaman audio, serta persiapan nota lapangan secara sistematik.

3.6 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data merupakan salah satu elemen yang penting dalam menentukan maklumat yang digunakan untuk sesuatu kajian dikutip dengan cara yang betul dan boleh dipercayai (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021). Di dalam prosedur pengumpulan data, seorang penyelidik perlu memahami bagaimana langkah-langkah dalam kutipan data dilakukan serta menjadikan data tersebut berkualiti dalam menjalankan kajian (Sulaiman et al. 2021). Secara asasnya, kaedah pengumpulan data bagi penyelidikan kualitatif terdapat beberapa metode iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam (Lebar 2022).

Sebelum kajian dijalankan, beberapa langkah prosedur telah diambil. Perancangan pengumpulan data bermula. Prosedur yang pertama adalah memohon kebenaran menjalankan kajian daripada pihak Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi. Hal ini kerana Bahagian Penyelidikan dan Inovasi JPPKK bertanggungjawab mengeluarkan surat kebenaran menjalankan kajian yang melibatkan tiga buah institusi Kolej Komuniti Zon Utara sebagai informan dalam menjalankan kajian ini. Setelah mendapat kelulusan, penyelidik diberi kebenaran untuk menjalankan kajian di lokasi yang telah ditetapkan.


3.6.1 Kaedah Pengumpulan Data

a. Kaedah Temu Bual Separa Berstruktur

Di dalam kajian ini, penyelidik memilih metode temu bual. Sebelum menjalankan sesi temu bual, penyelidik terlebih dahulu berkongsi maklumat diri dan menerangkan tentang kajian yang akan dijalankan kepada informan. Surat kebenaran menjalankan kajian daripada JPPKK diberikan kepada informan (Lampiran A) sebelum sesi temu bual dijalankan. Selain itu, penyelidik memberikan penjelasan kepada informan mengenai kesan terhadap penglibatan mereka sebagai informan dalam kajian ini. Borang persetujuan sebagai informan kajian perlu ditandatangani sebelum temu bual dimulakan (Lampiran B). Penggunaan borang persetujuan ini telah disarankan oleh Poth (2021) serta Merriam dan Tisdell (Merriam & Tisdell 2016) sebagai tanda penglibatan dan kesediaan, serta memastikan maklumat yang dikongsikan adalah secara terbuka dan jujur.

Protokol temu bual ini dijalankan secara individu dan mengambil masa lebih kurang 30–40 minit. Masa temu bual bergantung kepada informan dalam menjawab setiap pertanyaan yang diajukan. Semasa sesi temu bual, beberapa teknik telah digunakan seperti teknik *probing* dan *prompts* yang disediakan dalam protokol temu bual separa berstruktur bagi membantu informan memberikan maklumat dan respon yang lebih mendalam semasa menjalankan sesi temu bual. Semua temu bual dijalankan secara bersemuka di Kolej Komuniti yang telah dipilih. Perjumpaan seterusnya dengan informan adalah untuk mendapatkan kesahan kajian ini sebagai tanda persetujuan mereka terhadap transkrip temu bual. Terdapat tiga cara dalam merekod data temu bual iaitu merakam temu bual dengan menggunakan pita rakaman, mengambil nota semasa temu bual dan yang ketiga adalah merekodkan seberapa banyak maklumat temu bual yang dapat diingat selepas tamat sesi temu bual (Lebar 2022). Penyelidik menggunakan rakaman audio daripada telefon pintar untuk merekod segala maklumat temu bual yang diperoleh daripada setiap informan. Kemudian, perancangan dan pengurusan data perlu dilaksanakan dengan proses penyaringan data temu bual dengan menulis transkrip daripada rakaman audio kepada bentuk verbatim semua informan kajian. Data temu bual perlu disusun dengan teratur dan memastikan maklumat yang signifikan dan

penting dapat dianalisis bagi membentuk kategori, tema dan konsep yang sesuai. Rajah 3.2 menunjukkan prosedur tatacara pengumpulan data.




Rajah 3.1 Prosedur tatacara pengumpulan data

3.7 TATACARA PENGANALISA DATA

Dalam kajian ini, penyelidik menganalisis data temu bual daripada transkrip untuk menghasilkan konsep, tema dan teori berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Pandangan daripada Creswell dan Poth (2018) serta Rossman dan Rallis (2016) menyatakan bahawa terdapat enam langkah untuk menganalisis dan menginterpretasikan data kajian, iaitu menyusun atur data, menjana kategori, tema dan pola, mengekod data, menguji kefahaman yang timbul, mencari penerangan alternatif, dan menulis laporan. Selain itu, terdapat juga peringkat analisis yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat utama pernyataan deskriptif, peringkat kedua pembinaan kategori, dan peringkat ketiga adalah pembinaan teori (Merriam & Tisdell 2016). Walaupun pelbagai cara boleh digunakan untuk menganalisis data dan membuat interpretasi berdasarkan pendapat (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021), tiada aturan dan peringkat yang ditetapkan dalam proses menganalisis data kualitatif. Oleh yang demikian, tatacara penganalisan data yang digunakan di dalam kajian ini terbahagi kepada lima langkah iaitu: i) Menyedia dan menyusun atur data untuk

dianalisis, ii) Mengkod dan menghasilkan kod awal, iii) Proses mengenal pasti kod awal, iv) Pembaikan tema dan kategori serta pembentukan model, serta v) Menulis laporan. Rajah 3.3 merupakan langkah-langkah menganalisis dan menginterpretasikan data kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini.



Rajah 3.2 Langkah menganalisis dan menginterpretasikan data kajian

Sumber: Creswell (2014)

a. Menyedia dan Menyusun atur data untuk dianalisis

Perancangan dan pengurusan data dijalankan melalui beberapa fasa. Fasa pertama adalah proses menyediakan data, kemudian penyaringan data temu bual, dan fasa ketiga adalah menyusun data untuk dianalisis. Data-data kualitatif perlu dianalisis secara berterusan sebaik sahaja kutipan data dilakukan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021). Pendapat ini disokong oleh (Merriam & Tisdell 2016) yang menyatakan bahawa pengumpulan data dan penganalisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan secara serentak dalam kajian kualitatif dan seterusnya mengurus serta menapis data sebaik sahaja pengumpulan data berlaku.

Penyelidik memproses data menjadi transkrip melalui rakaman audio temu bual. Selepas proses transkripsi, data-data tersebut perlu disusun atur ke bahagian-bahagian yang mudah disemak. Penyelidik menggunakan perisian Google Drive bagi menyimpan data yang telah diproses. Proses seterusnya, setelah penulisan transkrip temu bual selesai, transkrip tersebut perlu diberikan semula kepada informan untuk membuat

semakan semula kandungan. Proses ini dinamakan proses validiti atau kesahan kandungan bagi memastikan tahap kesahan data yang diperoleh (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021). Seterusnya, penyelidik menggunakan perisian Atlas.ti untuk memudahkan urusan proses saringan data, pembinaan tema-tema, pengekodan, paparan hasil, pepadanan pola, dan analisis tema.

b. Mengekod dan menghasilkan kod awal

Kajian kualitatif menggunakan pengekodan yang merujuk kepada proses mengatur, menyusun data untuk dilabelkan data yang diperoleh selepas proses pengumpulan data mentah temu bual dilaksanakan (Aisha 2022). Pengekodan merupakan alat untuk menterjemah dan mengusun data-data mengikut urutan berdasarkan pecahan data kategori tertentu (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021; John W. Creswell 2018). Pengekodan data temu bual kualitatif terbahagi kepada tiga peringkat yang digunakan iaitu pengekodan terbuka (*open coding*), pengekodan aksial (*axial coding*), dan pengekodan terpilih (*selective coding*) (Mohajan & Mohajan 2022). Setelah proses transkrip dibaca dengan teliti, data perlu dibahagikan kepada unit-unit analisis yang bermakna. Seterusnya, penyelidik akan memulakan proses pengekodan. Kaedah pengekodan terbuka (*open coding*) digunakan bagi memahami pecahan data yang diperoleh daripada dapatan temu bual semua informan supaya dapat dikumpulkan dalam kategori yang mempunyai subjek yang sama dan dilabelkan menggunakan kod.

c. Proses mengenalpasti tema

Proses seterusnya adalah proses mengenal pasti tema. Selepas tamat proses pengekodan, proses mengenal pasti tema dilakukan iaitu dengan mengasingkan kod-kod mengikut kumpulan yang dilihat mempunyai corak yang sama. Corak yang dilihat muncul berulang kali menjadi tema, di mana ia merupakan idea utama dari kod-kod yang terhasil daripada unit-unit informan kajian (Merriam & Tisdell 2016). Corak maklumat yang berulang ini akan disusun untuk dijadikan kod dan kemudiannya menjadi tema dalam kajian ini.

d. Pembaikan tema serta pembentukan teori

Setelah selesai proses mengenal pasti tema, penyemakan dan pembaikan tema perlu dilakukan terhadap tema-tema yang terhasil. Di sini, refleksi telah dilakukan untuk melihat sama ada tema-tema yang muncul adalah sesuai, tepat dan dapat menggambarkan secara menyeluruh isu yang dikaji. Hubungan di antara setiap tema perlu diteliti semula. Ini kerana berkemungkinan terdapat tema yang perlu disusun semula dan dikategorikan semula supaya tema yang terhasil menjadi lebih sistematik. Setelah semua tema-tema telah disusun dan dikategorikan, penyelidik akan menyusun tema-tema tersebut untuk mendapatkan model atau pola kajian. Pola kajian bermaksud bentuk, diagram, model atau pattern yang tertentu diperoleh oleh penyelidik dalam sesuatu kajian (Sinkovics 2018). Dalam kajian ini, penyelidik akan membina model dapatan kajiannya sendiri mengikut kategori yang terhasil dengan menghubungkan tema-tema bagi menghasilkan model utama daripada dapatan kajian.

e. Menulis laporan

Penulisan laporan dapatan kajian ini diteruskan setelah set tema hasil daripada proses penganalisan data mendapat semakan serta perbincangan bersama pensyarah penyelia untuk dibincangkan dalam penulisan dapatan kajian. Penulisan laporan dapatan akan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Laporan dapatan kajian ditulis mengikut turutan persoalan kajian bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang telah digariskan. Tema dan subtema turut dikemukakan dengan unit-unit daripada informan kajian secara verbatim.

f. Mengesahkan ketepatan tema

Pengesahan tema merupakan langkah terakhir bagi mendapatkan kesahan tema daripada pakar. Persetujuan pakar terhadap tema yang dijalankan adalah penting kerana ia merupakan inter-rater, iaitu persetujuan antara penilai yang merupakan orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh penyelidik (Morgan 2022). Seorang pakar dalam bidang pendidikan khas dilantik bagi mengesahkan pembinaan tema yang dibina (Lampiran D).

3.8 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan secara menyeluruh tentang metodologi yang telah digunakan dalam penyelidikan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Proses pengumpulan data melibatkan sesi temu bual yang dirakam dan diikuti dengan transkrip verbatim. Seterusnya, data kemudian dianalisis untuk mengidentifikasikan tema dan pola atau model yang muncul. Metodologi yang digunakan untuk menjayakan kajian kualitatif ini adalah seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, peserta kajian serta tatacara pelaksanaan kajian, bagi memastikan kajian mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Selain itu, penyelidik telah membincangkan kaedah dan peringkat kesahan yang digunakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, bab metodologi kajian bertujuan untuk memastikan data yang dikumpul serta analisis yang dihasilkan dapat menjawab persoalan kajian serta memenuhi objektif kajian secara mendalam dan ia menggambarkan perspektif informan dalam kajian ini. Maklumat tentang dapatan kajian ini akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab IV.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian daripada keseluruhan informan yang terlibat. Perbincangan dimulakan untuk menggambarkan lokasi dan profil 27 orang informan terdiri daripada pensyarah, Pegawai Latihan Industri, Pegawai Kaunseling, pelajar pendidikan khas, pelajar tipikal dan ibu bapa pelajar khas. Hasil kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini meneroka tentang pengalaman pensyarah, isu dan cabaran serta strategi dalam pengurusan transisi kerjaya bagi pelajar berkeperluan khas.

4.2 BILANGAN INFORMAN DAN KOLEJ KOMUNITI

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan bilangan informan dan kolej komuniti yang terlibat dalam kajian kualitatif ini. Dalam kajian ini, seramai 27 orang informan daripada tiga buah kolej komuniti telah terlibat dalam sesi temu bual. Setiap informan akan menggunakan nama samaran yang bermula daripada Kolej Komuniti Anggerik, Kolej Komuniti Kenanga dan Kolej Komuniti Ros.

Jadual 4.1 Bilangan informan dan kolej komuniti

Informan	Kolej Anggerik	Kolej Kenanga	Kolej Ros
Staf Kolej			
Pensyarah	2	2	2
Pegawai Kaunseling	1	1	1
Pegawai Latihan Industri (LI)	1	1	1
Pelajar			
Pelajar(PK)	2	2	2
Pelajar Tipikal	1	1	1
Ibu Bapa			
Ibu bapa PK	2	2	2

4.2.1 Kolej Komuniti Anggerik (KKA)

Kolej Komuniti Anggerik merupakan sebuah kolej yang terletak di daerah Perlis dan berada di kawasan luar bandar. Ditubuhkan pada tahun 2001, ia merupakan Kolej Komuniti Kluster pertama yang mana pengurusan tertinggi bermula daripada gred DH52 atau DH54. Kolej ini menawarkan lima kursus peringkat sijil untuk pelajar tipikal, manakala satu kursus ditawarkan kepada pelajar berkeperluan khas iaitu Kursus Sijil Asas Kawalan Mutu Makanan. Seramai 10 orang pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran mengikuti Kursus Sijil Asas Kawalan Mutu Makanan. Kohort pertama bagi pengambilan pelajar berkeperluan khas adalah pada tahun 2015.

a. Demografi informan Kolej Komuniti Anggerik

Berikut adalah Jadual 4.2 yang menunjukkan demografi informan bagi kategori staf di Kolej Komuniti Anggerik.

Jadual 4.2 Demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Anggerik

Informan	Kategori : Staf Kolej			
	Pensyarah R1	Pensyarah R2	Pegawai LI R3	Pegawai Kaunseling R4
Nama samaran	R1	R2	R3	R4
Umur	49	43	49	39
Tahap Pendidikan	Ijazah	Sarjana	Ijazah	Ijazah
Pengalaman kerja di Kolej Komuniti	20 tahun	15 tahun	20 tahun	1 tahun
Pengalaman Kendalikan PK	15 tahun	9 tahun	1 tahun	1 tahun

Jadual 4.2 menunjukkan maklumat demografi empat orang staf Kolej Komuniti Anggerik yang terdiri daripada dua orang pensyarah, seorang Pegawai Latihan Industri dan seorang Pegawai Kaunseling. Dari segi umur, kesemua informan berusia antara 39 hingga 49 tahun, dan kebanyakannya memiliki kelulusan ijazah sarjana muda, manakala seorang daripada mereka memiliki ijazah sarjana. Pengalaman kerja di kolej menunjukkan bahawa dua orang pensyarah telah berkhidmat selama 15 hingga 20 tahun, manakala Pegawai Kaunseling pula baru mempunyai pengalaman selama satu tahun. Dari segi pengalaman mengendalikan pelajar berkeperluan khas, dua orang pensyarah menunjukkan pengalaman yang luas, manakala pegawai lain masih berada dalam fasa awal pelaksanaan.

Berikut adalah Jadual 4.3 yang menunjukkan demografi informan kategori pelajar di Kolej Komuniti Anggerik.

Jadual 4.3 Demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Anggerik

Kategori :Pelajar			
Informan	Pelajar(PK)	Pelajar(PK)	Pelajar Tipikal
Nama samaran	R5	R6	R7
Umur	21	21	20
Pengkhususan	Sijil Khas Pengurusan Makanan	Sijil Khas Pengurusan Makanan	Sijil Kawalan Mutu Makanan
Semester	3	3	3

Jadual 4.3 memperincikan profil tiga orang pelajar daripada Kolej Komuniti Anggerik, yang terdiri daripada dua pelajar berkeperluan khas (PK) dan seorang pelajar tipikal. Kesemua pelajar berada pada semester ketiga dan berumur antara 20 hingga 21 tahun. Dua pelajar PK mengikuti Kursus Sijil Khas Pemprosesan Makanan, manakala pelajar tipikal pula mengikuti Program Sijil Kawalan Mutu Makanan. Ini menunjukkan bahawa pelajar berkeperluan khas dan pelajar tipikal sama-sama menyertai program berteraskan kemahiran makanan di institusi ini.

Berikut adalah Jadual 4.4 yang menunjukkan demografi informan kategori ibu bapa di Kolej Komuniti Anggerik.

Jadual 4.4 Demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Anggerik

Kategori :Ibu Bapa		
Informan	Ibu bapa (PK)	Ibu bapa (PK)
Nama samaran	R8	R9
Umur	53	52
Bangsa	Melayu	Melayu
Pekerjaan	Guru	Peniaga

Jadual ini memaparkan maklumat dua orang ibu bapa kepada pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Anggerik. Kedua-duanya berbangsa Melayu dan berada dalam lingkungan umur awal 50-an. Seorang daripada mereka bekerja sebagai guru, manakala seorang lagi menjalankan perniagaan sendiri. Kepelbagaian latar belakang pekerjaan ini memberikan perspektif yang berbeza dalam memahami sokongan keluarga terhadap penglibatan anak-anak dalam PTK.

4.2.2 Kolej Komuniti Kenanga (KKK)

Kolej Komuniti Kenanga merupakan kolej kluster pertama yang ditubuhkan pada tahun 2002. Lokasi Kolej Komuniti Kenanga terletak di daerah Kedah, di kawasan bandar. Kolej ini menawarkan empat kursus di peringkat sijil bagi pelajar tipikal dan satu kursus bagi pelajar berkeperluan khas, iaitu Sijil Asas Pastri. Seramai 10 orang pelajar masalah pembelajaran mengikuti kursus Sijil Asas Pastri. Kohort pertama bagi kursus ini bermula pada tahun 2014.

a. Demografi informan Kolej Komuniti Kenanga

Berikut adalah Jadual 4.5, yang menunjukkan demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Kenanga.

Jadual 4.5 Demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Kenanga

Informan	Kategori :Staf Kolej			
	Pensyarah	Pensyarah	Pegawai LI	Pegawai Kaunseling
Nama samaran	R10	R11	R12	R13
Umur	44	47	43	43
Tahap Pendidikan	Ijazah	Sarjana	Ijazah	Ijazah
Pengalaman kerja di Kolej Komuniti	20 tahun	15 tahun	20 tahun	1 tahun
Pengalaman Kendalikan PK	15 tahun	9 tahun	1 tahun	1 tahun

Jadual ini memaparkan maklumat demografi empat orang staf di Kolej Komuniti Kenanga, yang terdiri daripada dua orang pensyarah, seorang Pegawai Latihan Industri (LI), dan seorang Pegawai Kaunseling. Informan terdiri daripada individu berumur antara 43 hingga 47 tahun, dengan latar belakang pendidikan yang kukuh, iaitu tiga orang memiliki ijazah dan seorang memiliki ijazah sarjana. Pengalaman kerja di kolej menunjukkan tempoh perkhidmatan yang panjang bagi kebanyakan informan, terutamanya dua individu yang telah berkhidmat selama dua dekad. Dari aspek pengalaman mengendalikan pelajar berkeperluan khas, dua orang staf menunjukkan pengalaman melebihi lima tahun, manakala dua lagi baru terlibat dalam tempoh setahun. Ini memberikan kepelbagaian dalam persepsi dan amalan pengurusan pelajar berkeperluan khas dalam konteks institusi ini.

Jadual 4.6 Demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Kenanga

Kategori :Pelajar			
Informan	Pelajar(PK)	Pelajar(PK)	Pelajar Tipikal
Nama samaran	R14	R15	R16
Umur	21	21	19
Pengkhususan	Sijil Khas Pastri	Sijil Khas Pastri	Sijil Kecantikan
Semester	3	3	2

Jadual ini menggambarkan profil tiga orang pelajar yang terdiri daripada dua pelajar berkeperluan khas dan seorang pelajar tipikal di Kolej Komuniti Kenanga. Kedua-dua pelajar khas berumur 21 tahun dan mengikuti kursus Sijil Khas Pastri pada semester ketiga, manakala pelajar tipikal berumur 19 tahun dan mengikuti kursus Sijil Kecantikan pada semester kedua. Maklumat ini menunjukkan bahawa pelajar khas dan tipikal terlibat dalam bidang kemahiran yang berbeza, sekali gus menonjolkan tumpuan Kolej Komuniti Kenanga terhadap latihan praktikal sebagai persediaan ke dunia pekerjaan.

Berikut adalah Jadual 4.7, iaitu demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Kenanga.

Jadual 4.7 Demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Kenanga

Kategori :Ibu Bapa		
Informan	Ibu bapa (PK)	Ibu bapa (PK)
Nama samaran	R17	R18
Umur	62	56
Bangsa	Melayu	Melayu
Pekerjaan	Guru Pencen	Penyelia Asrama

Jadual ini menunjukkan maklumat dua orang ibu bapa kepada pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Kenanga. Kedua-dua informan adalah berbangsa Melayu dan berusia antara 56 hingga 62 tahun. Salah seorang ibu bapa merupakan pesara guru, manakala seorang lagi bekerja sebagai penyelia asrama. Latar belakang pendidikan dan kerjaya ini memberikan gambaran bahawa ibu bapa mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan dan pengurusan pelajar, yang boleh memberi impak kepada sokongan mereka terhadap pembelajaran anak-anak dalam program transisi.

4.2.3 Kolej Komuniti Ros (KKR)

Kolej Komuniti Ros merupakan sebuah kolej komuniti yang tergolong dalam kategori Kluster Kedua, dengan pengurusan tertinggi terdiri daripada pegawai gred DH48. Kolej Komuniti Ros terletak di daerah Pulau Pinang dan berada di kawasan bandar. Selain itu, Kolej Komuniti Ros menawarkan dua kursus peringkat sijil bagi pelajar tipikal. Manakala bagi pelajar berkeperluan khas, hanya satu kursus yang ditawarkan iaitu kursus Sijil Asas Pastri, khusus untuk pelajar masalah pembelajaran. Seramai 10 orang pelajar berkeperluan khas mengikuti kursus Sijil Asas Pastri. Kohort pertama yang ditawarkan kursus ini adalah pada tahun 2017.

a. Demografi informan Kolej Komuniti Ros

Berikut adalah Jadual 4.8, iaitu demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Ros.

Jadual 4.8 Demografi informan kategori staf Kolej Komuniti Ros

Informan	Kategori :Staf Kolej			
	Pensyarah	Pensyarah	PegawaiLI	Pegawai Kaunseling
Nama samaran	R19	R20	R21	R22
Umur	45	48	44	44
Tahap Pendidikan	Ijazah	Sarjana	Ijazah	Ijazah
Pengalaman kerja di Kolej Komuniti	13 tahun	4 tahun	10 tahun	10 tahun
Pengalaman Kendalikan PK	8 tahun	2 tahun	10 tahun	7 tahun

Jadual ini menunjukkan data demografi empat orang staf dari Kolej Komuniti Ros, yang terdiri daripada dua orang pensyarah, seorang pegawai latihan industri, dan seorang pegawai kaunseling. Maklumat menunjukkan bahawa semua informan memiliki kelulusan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda, manakala seorang pensyarah mempunyai kelulusan sarjana. Dari segi pengalaman kerja, dua orang staf telah berkhidmat selama 10 tahun atau lebih, manakala seorang pensyarah masih baharu dengan tempoh khidmat selama empat tahun. Pengalaman mengendalikan pelajar berkeperluan khas juga menunjukkan variasi, dengan tiga daripada mereka mempunyai pengalaman melebihi lima tahun. Ini memberikan gambaran bahawa sebahagian besar staf mempunyai pendedahan yang relevan terhadap pelaksanaan program transisi untuk pelajar khas.

Berikut adalah Jadual 4.9, iaitu demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Ros.

Jadual 4.9 Demografi informan kategori pelajar Kolej Komuniti Ros

Kategori :Pelajar			
Informan	Pelajar(PK)	Pelajar(PK)	Pelajar Tipikal
Nama samaran	R23	R24	R25
Umur	19	19	19
Pengkhususan	Sijil Khas Pastrri	Sijil Khas Pastrri	Sijil Khas Pastrri
Semester	3	3	2

Jadual ini memperincikan profil tiga orang pelajar dari Kolej Komuniti Ros, yang terdiri daripada dua pelajar berkeperluan khas dan seorang pelajar tipikal. Ketiga-tiga pelajar berumur 19 tahun, namun mereka berada dalam semester yang berbeza: dua pelajar khas di semester ketiga, dan pelajar tipikal di semester kedua. Semua pelajar mengikuti bidang berkaitan pastri, sama ada melalui program Sijil Khas Pastrri atau Sijil Pastrri. Ini menunjukkan bahawa kolej ini memberi tumpuan khusus kepada bidang kemahiran bakeri sebagai laluan latihan vokasional utama bagi pelajar khas dan tipikal.

Berikut adalah Jadual 4.10, iaitu demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Ros.

Jadual 4.10 Demografi informan kategori ibu bapa Kolej Komuniti Ros

Kategori :Ibu Bapa		
Informan	Ibu bapa (PK)	Ibu bapa (PK)
Nama samaran	R26	R27
Umur	62	56
Bangsa	Cina	India
Pekerjaan	Swasta	Suri Rumah

Jadual ini memaparkan maklumat demografi dua orang ibu kepada pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Ros. Tidak seperti dua kolej sebelumnya, ibu bapa di sini terdiri daripada dua etnik berbeza iaitu Cina dan India, menunjukkan kepelbagaian kaum dalam kalangan komuniti pelajar khas di Pulau Pinang. Kedua-dua ibu berumur dalam lingkungan awal hingga pertengahan 50-an, dengan latar belakang pekerjaan sebagai pekerja swasta dan suri rumah. Ini memberi indikasi bahawa tahap


pendedahan dan penglibatan ibu bapa mungkin berbeza bergantung kepada latar belakang sosioekonomi masing-masing.

4.3 DAPATAN BAGI PERSOALAN KAJIAN 1

Apakah pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Zon Utara?

Objektif utama bahagian ini adalah untuk membincangkan unit analisis berkaitan pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas. Penemuan dalam bahagian ini memperincikan tema-tema dan sub-tema utama yang muncul hasil daripada temu bual bersama pensyarah yang terlibat secara langsung dengan program ini.

Pengalaman pensyarah menunjukkan tiga tema utama, iaitu: a) Tahap kefahaman dan kesediaan pensyarah, b) Amalan semasa serta cabaran pelaksanaan, dan c) Persepsi terhadap keberkesanan program. Setiap tema ini memperlihatkan variasi pengalaman berdasarkan latar belakang, latihan yang diterima, serta sokongan institusi yang berbeza di setiap kolej.



Rajah 4.1 Tema-tema bagi Objektif 1: Pengalaman Pensyarah dalam Pengurusan Transisi Kerjaya

4.3.1 Tahap Kefahaman dan Kesediaan Pensyarah

Tahap kefahaman dan kesediaan pensyarah terhadap pelaksanaan PTK merupakan salah satu aspek penting yang menentukan keberkesanan pelaksanaannya. Dapatan

kajian menunjukkan bahawa kefahaman ini tidak seragam dalam kalangan pensyarah dan pegawai di Kolej Komuniti. Sebahagian besar daripada mereka menyatakan bahawa mereka memperoleh kefahaman melalui pengalaman peribadi dan kursus yang bersifat umum, manakala hanya sebilangan kecil yang menerima latihan atau kursus khusus berkaitan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas.

Seorang pensyarah dari Kolej Komuniti Anggerik yang berpengalaman lebih 20 tahun menjelaskan bahawa beliau pernah menghadiri kursus berkaitan PTK, namun kandungannya dianggap terlalu asas dan tidak mencukupi untuk menghadapi keperluan sebenar pelajar berkeperluan khas:

"Saya pernah pergi kursus transisi tahun lepas. Dalam kursus tu, kami diajar serba sedikit tentang bagaimana nak sediakan pelajar khas untuk dunia pekerjaan, contohnya macam mana nak sediakan modul latihan, dan komunikasi yang sesuai dalam suasana kerja. Tapi kursus tu tak cukup mendalam. Banyak perkara kami masih perlu hadap sendiri di lapangan. Saya belajar banyak dari pengalaman mengajar sendiri. Kadang-kadang saya terpaksa cipta sendiri bahan ikut kemampuan pelajar."

(R2, Pensyarah)

Manakala seorang pegawai kaunseling dari Kolej Komuniti Ros turut berkongsi kekangan yang dihadapi dalam memahami peranan beliau dalam konteks program transisi ini:

"Setakat ni, saya belum pernah dapat kursus yang khusus untuk pelajar berkeperluan khas, apatah lagi berkaitan transisi kerjaya. Kebanyakan kursus yang saya ikuti lebih kepada pelajar biasa seperti pengurusan emosi dan stres. Jadi bila saya berurusan dengan pelajar khas, saya banyak bergantung pada maklumat daripada pensyarah lain atau kadang tanya ibu bapa sendiri. Tapi saya akui, kalau ada pendedahan atau modul yang lebih jelas, kerja saya akan jadi lebih sistematik."

(R12, Pegawai Kaunseling)

Dalam kalangan ibu bapa, kefahaman mereka pula banyak bergantung kepada komunikasi awal yang disampaikan oleh pihak kolej. Seorang ibu kepada pelajar dari

Kolej Komuniti Kenanga menyatakan bahawa maklumat berkaitan program transisi hanya diterima selepas anaknya mula menjalani latihan industri:

"Mula-mula saya tak tahu pun anak saya akan pergi latihan industri. Saya ingat macam belajar dalam kelas macam biasa. Tapi bila pihak kolej panggil untuk sesi taklimat, barulah saya faham. Tapi itu pun tak semua ibu bapa dapat maklumat serupa. Jadi saya rasa perlu ada taklimat yang lebih jelas dari awal. Bila dah faham, baru kita sebagai ibu bapa boleh sokong anak ikut keperluan mereka."

(R8, Ibu Bapa)

4.3.2 Amalan Semasa dan Cabaran Pelaksanaan

Pelaksanaan PTK dalam kalangan pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti dijalankan dengan pelbagai pendekatan bergantung kepada sumber dan kreativiti pensyarah. Terdapat amalan tertentu yang menjadi kebiasaan, seperti penempatan latihan industri di organisasi tempatan, pendedahan awal kepada tugas bersifat vokasional, serta aktiviti luar kelas seperti lawatan sambil belajar yang menyokong objektif transisi kerjaya. Namun demikian, pensyarah turut menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha melaksanakan program ini dengan berkesan.

Seorang pensyarah dari Kolej Komuniti Kenanga menyatakan bahawa pelaksanaan program transisi ini banyak bergantung kepada inisiatif individu dan sumber dalaman kolej:

"Apa yang kami buat sekarang ni banyak bergantung pada kreativiti sendiri dan pengalaman lalu. Kadang kami kena reka aktiviti yang boleh bantu pelajar khas bersedia untuk dunia pekerjaan. Contohnya, kami akan buat simulasi suasana tempat kerja dalam bengkel, atau tugas berpasukan yang menyerupai suasana sebenar. Tapi masalah timbul bila nak cari tempat latihan industri yang sesuai. Tak semua majikan nak terima pelajar khas sebab mereka tak tahu macam mana nak urus tingkah laku atau komunikasi pelajar. Itu yang buat kami terpaksa cari alternatif lain, macam latihan dalaman."

(R10, Pensyarah)

Pegawai latihan industri dari Kolej Komuniti Ros turut menyatakan kebimbangan tentang kurangnya sokongan daripada pihak luar, terutamanya industri yang belum bersedia menerima pelajar berkeperluan khas:

"Kami ada senarai syarikat untuk latihan industri, tapi tak semua bersedia terima pelajar khas. Ada yang takut tak tahu nak kawal, takut tak produktif, atau susah berkomunikasi. Kami cuba beri taklimat awal kepada pihak syarikat, tapi masih banyak yang tolak pelajar macam ni. Jadi bila tak cukup tempat, kadang pelajar terpaksa buat latihan dalam kampus je. Itu pun tak sebaik pengalaman sebenar di luar."

(R21, Pegawai)

Seorang pelajar tipikal dari Kolej Komuniti Anggerik pula melihat bahawa terdapat usaha yang baik oleh pensyarah untuk melibatkan pelajar khas dalam aktiviti berkumpulan dan praktikal, namun kekangan dari segi masa dan tenaga kerja kadang-kadang membataskan penyertaan mereka:

"Saya nampak pensyarah cuba juga libatkan kawan-kawan OKU dalam projek kelas atau kerja amali. Tapi kadang pelajar khas ni perlukan lebih masa untuk faham dan buat kerja. Bila kelas ramai dan masa pendek, susah sikit nak beri perhatian penuh pada mereka. Tapi ada juga pensyarah yang sanggup luangkan masa lepas kelas untuk bantu pelajar khas. Itu saya sangat respek."

(R5, Pelajar)

Dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat amalan pelaksanaan yang progresif dan bersesuaian, pelbagai cabaran masih menghalang pelaksanaan yang menyeluruh dan sistematik. Kekangan utama termasuklah kesediaan industri, kekurangan sumber manusia dan masa, serta persepsi negatif terhadap keupayaan pelajar berkeperluan khas.

4.3.3 Persepsi terhadap Keberkesanan Program

Pensyarah dan pihak berkepentingan di Kolej Komuniti mempunyai persepsi yang pelbagai terhadap keberkesanan PTK pelajar berkeperluan khas. Sebahagian besar daripada mereka melihat program ini sebagai suatu inisiatif penting yang dapat

membina kemahiran, keyakinan diri serta pendedahan awal kepada dunia pekerjaan. Namun begitu, terdapat juga pandangan yang menekankan keperluan penambahbaikan agar program ini benar-benar memberi impak jangka panjang kepada pelajar.

Seorang pensyarah dari Kolej Komuniti Ros menyatakan keyakinannya terhadap manfaat program ini kepada pelajar, terutamanya dari segi membentuk disiplin dan kemahiran komunikasi:

"Saya nampak ada perubahan besar pada pelajar lepas dia jalani latihan industri. Mula-mula dia pemalu dan tak nak bercakap, tapi lepas dua bulan kerja dekat bengkel, dia dah mula bercakap, pandai berinteraksi. Saya rasa program ni memang penting sebab ia beri pelajar peluang untuk keluar dari zon selesa dan belajar cara bergaul dengan orang luar. Kita nampak perkembangan tu walaupun perlahan, tapi nyata."

(R19, Pensyarah)

Pegawai kaunseling dari Kolej Komuniti Kenanga turut menekankan bahawa keberkesanan program bergantung kepada sejauh mana ia dapat disesuaikan mengikut keperluan individu pelajar:

"Bagi saya program ini boleh jadi sangat berkesan, tapi dengan syarat pelaksanaan tu kena fleksibel. Tak semua pelajar khas boleh ikut cara yang sama. Ada yang cepat faham, ada yang perlukan banyak bimbingan. Kalau semua pensyarah dan tempat latihan faham benda ni, barulah hasilnya akan nampak. Kalau tidak, pelajar akan rasa tertekan dan gagal untuk menyesuaikan diri."

(R3, Pegawai)

Sementara itu, seorang ibu bapa dari Kolej Komuniti Anggerik mengaitkan keberkesanan program dengan peluang pekerjaan sebenar selepas tamat pengajian:

"Saya tengok anak saya jadi lebih yakin diri sejak dia masuk program ni. Tapi saya harap program ni bukan setakat bagi pengalaman, tapi betul-betul bantu pelajar khas dapat kerja lepas habis belajar. Kena ada sambungan antara latihan dengan peluang kerja sebenar. Kalau tak, rugi usaha semua orang."

(R17, Ibu Bapa)

Persepsi ini menunjukkan bahawa keberkesanan PTK tidak hanya dinilai berdasarkan pelaksanaan semasa, tetapi juga berdasarkan hasil jangka panjang terhadap kebolehpasaran dan kebolehan pelajar menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan sebenar.

4.3.4 Rumusan Persoalan Kajian 1

Secara keseluruhan, dapatan bagi Objektif 1 menunjukkan bahawa pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan PTK pelajar berkeperluan khas merangkumi aspek kefahaman, pelaksanaan, serta penilaian terhadap keberkesanan program. Tiga tema utama yang dikenalpasti, kefahaman dan kesediaan, amalan serta cabaran, dan persepsi terhadap keberkesanan, menunjukkan bahawa meskipun terdapat usaha signifikan dalam melaksanakan program ini, masih wujud pelbagai cabaran seperti kekurangan latihan khusus, ketidaksediaan industri, dan keperluan kepada pelaksanaan yang lebih tersusun. Persepsi positif terhadap keberkesanan program perlu disokong dengan penambahbaikan berterusan supaya objektif asal program benar-benar dapat dicapai dan memberi manfaat berpanjangan kepada pelajar berkeperluan khas.


4.4 DAPATAN BAGI PERSOALAN KAJIAN 2

Bagaimanakah strategi atau penyelesaian dalam pelaksanaan transisi kerjaya yang boleh membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan pekerjaan?

Bahagian ini pula menghuraikan strategi dan kaedah pelaksanaan PTK yang diamalkan di Kolej Komuniti Zon Utara. Fokus utama diberikan kepada pendekatan pengajaran dan latihan industri serta inovasi yang membantu pelajar khas mempersiapkan diri ke alam pekerjaan.

Tiga tema utama yang dikenalpasti ialah: a) Pendekatan pengajaran dan kurikulum TVET, b) Latihan industri dan penyesuaian kaedah, dan c) Inovasi dan strategi bersesuaian. Strategi-strategi ini digunakan bagi memastikan pelajar

berkeperluan khas dapat menguasai kemahiran asas dan sosial dengan lebih berkesan dalam persekitaran dunia pekerjaan sebenar.



Rajah 4.2 Tema-tema bagi Objektif 2: Strategi dan Kaedah Pelaksanaan

4.4.1 Pendekatan Pengajaran dan Kurikulum TVET

Dalam pelaksanaan PTK, pendekatan pengajaran dan penggunaan kurikulum yang sesuai amat penting bagi memastikan pelajar berkeperluan khas dapat mengikuti pembelajaran dengan efektif. Kolej Komuniti menggunakan pendekatan berasaskan kemahiran teknikal dan vokasional, selaras dengan model TVET (Technical and Vocational Education and Training). Namun begitu, kaedah pelaksanaannya turut disesuaikan mengikut tahap keupayaan pelajar.

Seorang pensyarah dari Kolej Komuniti Ros menyatakan bahawa mereka mengadaptasi sukatan pelajaran agar lebih praktikal dan mudah difahami oleh pelajar:

"Kami guna kurikulum TVET yang disediakan oleh Kementerian, tapi untuk pelajar khas, saya akan sesuaikan kandungan ikut kemampuan mereka. Contohnya, kalau pelajar biasa buat latihan pengendalian mesin penuh, pelajar khas mungkin saya ajar versi asas dulu, seperti mengenal alatan dan aspek keselamatan. Pengajaran saya lebih banyak guna demonstrasi dan latihan praktikal sebab mereka lebih mudah faham dengan cara begitu berbanding kuliah teori."

(R11, Pensyarah)

Selain itu, seorang pegawai latihan industri dari Kolej Komuniti Anggerik turut menyokong kepentingan pendekatan visual dan interaktif dalam membantu kefahaman pelajar:

"Saya banyak guna pendekatan tunjuk cara (demonstrasi) dan buat bersama. Kadang saya buat video ringkas sendiri tunjuk cara buat kerja tertentu, kemudian pelajar tengok dan ikut. Pendekatan ini sangat membantu sebab pelajar khas ni lebih cepat tangkap bila tengok berbanding bila dengar arahan panjang-panjang. Mereka ni boleh buat kerja, cuma kena ada gaya ajar yang sesuai."

(R22, Pegawai)

Seorang pelajar tipikal dari Kolej Komuniti Kenanga turut memberikan pandangan terhadap kaedah pengajaran pensyarah:

"Pensyarah saya memang selalu buat latihan praktikal dan tugas berkelompok. Pelajar khas pun selalu join sekali. Tapi cikgu akan pastikan mereka diberi tugas yang sesuai dan ada rakan yang boleh bantu. Saya rasa itu cara yang bagus sebab semua orang boleh belajar ikut kemampuan sendiri."

(R6, Pelajar)

Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran berasaskan kemahiran praktikal, visual dan disesuaikan dengan kemampuan pelajar adalah antara strategi utama dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PTK. Pensyarah dan pegawai memainkan peranan besar dalam menyesuaikan kandungan kurikulum dan gaya pengajaran bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas.

4.4.2 Latihan Industri dan Penyesuaian Kaedah

Latihan industri merupakan komponen penting dalam PTK yang memberi peluang kepada pelajar berkeperluan khas untuk mengalami suasana kerja sebenar di luar bilik darjah. Aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran teknikal, malah turut membina keyakinan, disiplin, dan sikap profesional yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Namun begitu, pelaksanaan latihan industri bagi pelajar khas memerlukan pendekatan yang lebih sensitif, bersifat fleksibel dan adaptif bagi

memastikan pengalaman yang diperoleh selaras dengan kemampuan dan keperluan individu.

Pengalaman dan pandangan pegawai latihan industri menunjukkan bahawa pemilihan lokasi latihan memainkan peranan utama dalam kejayaan program:

"Biasanya kami pilih tempat latihan yang memang ada pengalaman atau terbuka dengan pelajar khas. Tapi bukan semua tempat faham keperluan mereka. Jadi kami terpaksa terangkan secara khusus kepada penyelia industri tentang cara komunikasi, jadual kerja yang sesuai, dan kadang-kadang kami minta supervisor beri tugas yang lebih ringan atau praktikal. Kadang kami kena pergi pantau juga..."

(R4, Pegawai)

Perkara ini menegaskan bahawa komunikasi dan kerjasama rapat antara institusi pendidikan dan pihak industri adalah amat penting agar penyelia di tempat latihan dapat memahami keperluan khusus pelajar serta menyediakan suasana yang menyokong proses pembelajaran mereka.

Selain itu, pensyarah yang terlibat menegaskan bahawa proses latihan perlu dilakukan secara berperingkat, bermula dengan aktiviti yang lebih terkawal dalam persekitaran kampus:

"Pelajar khas ni kena biasakan dulu dengan latihan dalam kampus. Contohnya macam kerja di bengkel, kafe latihan atau butik pelajar. Lepas tu baru kami bawa keluar secara berperingkat. Tujuan dia untuk bina keyakinan dan latih kemahiran asas. Kalau terus hantar ke luar, ada yang tak boleh sesuaikan diri dan terus putus asa..."

(R20, Pensyarah)

Pendekatan berperingkat ini bukan sahaja membina asas kemahiran teknikal, malah membantu pelajar mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan daya tahan mental apabila berhadapan dengan cabaran di tempat kerja sebenar.

Dari sudut penyelia industri pula, terdapat pengakuan bahawa walaupun pelajar berkeperluan khas mampu menghasilkan kerja berkualiti, mereka memerlukan sokongan dan pemahaman yang lebih mendalam dari pihak pengurusan tempat latihan:

"Saya tengok pelajar khas ni bila kerja kat luar, dia lebih semangat sebab dia rasa macam orang biasa. Tapi dia perlukan sokongan yang lebih. Supervisor pun kena faham perangai dan cara kerja dia. Kalau kena tempat yang baik, dia memang boleh ikut dan hasil kerja pun memuaskan..."

(R13, Penyelia)

Ini menunjukkan bahawa kejayaan latihan industri bukan sahaja bergantung pada keupayaan pelajar semata-mata, tetapi turut bergantung pada kesiapsiagaan dan sikap pihak industri dalam menerima dan melatih pelajar berkeperluan khas.

Dapatan memperjelas bahawa latihan industri yang berkesan bagi pelajar berkeperluan khas memerlukan perancangan yang teliti dan berperingkat, pemilihan lokasi yang mesra serta berpengalaman, dan bimbingan serta pemantauan yang berterusan oleh pensyarah dan pegawai latihan. Pendekatan ini penting bagi memastikan pelajar dapat mengembangkan kemahiran praktikal, keyakinan diri serta persiapan mental yang mencukupi untuk menghadapi cabaran kerjaya mereka kelak.

4.4.3 Inovasi dan Strategi Menyesuaikan dengan Keperluan Pelajar

Dalam melaksanakan PTK untuk pelajar berkeperluan khas, Kolej Komuniti menekankan penggunaan strategi inovatif yang mampu menjawab cabaran pembelajaran pelajar yang pelbagai keupayaan. Pensyarah dan pegawai menggunakan pendekatan pengajaran yang pelbagai dengan penekanan kepada bahan bantu mengajar yang lebih visual, pengajaran berasaskan konteks, serta pengalaman pembelajaran yang nyata dan praktikal. Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan motivasi pelajar dalam menguasai kemahiran yang diperlukan di dunia kerja.

Seorang pensyarah berkongsi pengalamannya menggunakan bahan bantu seperti video pendek dan gambar yang memudahkan pelajar melihat dan mengikuti setiap langkah kerja:

"Saya guna video pendek dan gambar langkah demi langkah dalam modul. Pelajar khas lebih senang faham kalau tengok visual. Bila mereka nampak sendiri cara buat kerja, lebih mudah mereka ikut. Saya juga galakkan mereka kerja berpasangan dengan pelajar tipikal supaya ada bantuan secara semula jadi..."

(R1, Pensyarah)

Pendekatan ini tidak hanya membantu pelajar memahami tugas, malah menggalakkan interaksi sosial dan pembelajaran secara kolaboratif yang meningkatkan keyakinan serta sokongan antara rakan sekelas.

Selain itu, sesi khas mingguan turut diadakan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk berkongsi cabaran yang mereka hadapi serta menerima latihan kemahiran sosial yang penting dalam dunia pekerjaan:

"Kami buat sesi khas untuk pelajar khas seminggu sekali. Dalam sesi tu, kita bincang tentang cabaran yang mereka hadapi dalam kelas atau tempat latihan. Kadang kita beri latihan sosial seperti cara beri salam, jawab soalan mudah, atau kendali emosi. Ini semua nampak kecil tapi penting untuk bantu mereka bersedia ke tempat kerja..."

(R22, Pegawai)

Sesi ini berperanan sebagai platform sokongan yang penting untuk pelajar membina kemahiran komunikasi, mengurus emosi serta menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial di tempat kerja kelak.

Seorang ibu pelajar pula memberikan pandangan yang menekankan kepentingan pengajaran yang dikaitkan dengan pengalaman harian pelajar:

"Anak saya kata pensyarah dia selalu guna contoh yang dia boleh kaitkan. Bila ajar masak, pensyarah tu guna contoh kat rumah macam goreng telur, potong bawang benda yang dia pernah buat. Itu buat dia cepat faham..."

(R18, Ibu Bapa)

Penggunaan contoh-contoh yang relevan dengan kehidupan seharian ini membolehkan pelajar lebih mudah memahami dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam situasi sebenar, sekali gus meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Dapatan menunjukkan bahawa inovasi dalam strategi pengajaran dan sokongan yang berpaksikan pengalaman dunia nyata, interaksi sosial, serta penggunaan bahan bantu visual sangat membantu pelajar berkeperluan khas dalam proses pembelajaran dan persediaan menghadapi cabaran di alam pekerjaan. Pendekatan yang berorientasikan pengalaman praktikal dan sosial ini memungkinkan pelajar menyesuaikan diri secara lebih semula jadi dan berkesan dalam persekitaran pembelajaran dan latihan.

4.4.4 Rumusan Persoalan Kajian 2


Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi dan kaedah pelaksanaan PTK telah dilaksanakan dengan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar berkeperluan khas. Pensyarah memanfaatkan pendekatan TVET yang disesuaikan dengan kebolehan pelajar, disokong dengan bahan bantu mengajar yang inovatif dan pendekatan pengajaran yang praktikal. Latihan industri dijalankan secara berperingkat dan mengambil kira keupayaan serta kesediaan pelajar. Walaupun terdapat cabaran dalam pemilihan tempat latihan, strategi alternatif seperti latihan dalaman dan bimbingan berterusan telah membantu menjayakan objektif program. Pelaksanaan strategi yang fleksibel dan inklusif ini dilihat mampu memberi kesan positif terhadap kebolehpasaran pelajar khas selepas tamat pengajian.

4.5 DAPATAN BAGI PERSOALAN KAJIAN 3

Bagaimanakah strategi atau penyelesaian dalam pelaksanaan transisi kerjaya yang boleh membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan pekerjaan?

Bahagian ini bertujuan untuk menghuraikan strategi dan kaedah pelaksanaan PTK yang diamalkan di Kolej Komuniti Zon Utara. Fokus utama diberikan kepada pendekatan yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran dan latihan industri serta inovasi yang membantu pelajar khas mempersiapkan diri ke alam pekerjaan.

Tiga tema utama yang dikenalpasti ialah: a) Pendekatan pengajaran dan kurikulum TVET, b) Latihan industri dan penyesuaian kaedah, serta c) Inovasi dan strategi bersesuaian. Strategi-strategi ini diguna pakai bagi memastikan pelajar berkeperluan khas dapat menguasai kemahiran asas dan sosial dengan lebih berkesan dalam persekitaran dunia pekerjaan sebenar.



Rajah 4.3 Tema-tema Objektif 3 Mengkaji faktor sokongan

4.5.1 Peranan dan Sokongan Ibu Bapa

Ibu bapa merupakan tulang belakang utama dalam perjalanan transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas. Selain menjadi sumber dorongan moral yang tidak berbelah bahagi, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan praktikal yang membantu pelajar menyesuaikan diri dengan cabaran pembelajaran dan latihan. Kehadiran ibu bapa yang sentiasa prihatin dan aktif berkomunikasi dengan pihak sekolah atau kolej menjadi elemen penting dalam memastikan pelajar berkeperluan khas tidak berasa terpinggir atau kurang keyakinan.

Seorang ibu pelajar berkongsi pengalaman sokongan yang diberikannya:

"Saya selalu beri semangat kepada anak supaya tidak mudah putus asa dan sentiasa cuba yang terbaik. Saya juga kerap berhubung dengan pensyarah untuk tahu perkembangan dia dan jika ada masalah, saya boleh bantu selesaikan."

(R24, Pelajar)

Keterlibatan ibu bapa secara berterusan bukan sahaja memberi kesan positif kepada emosi pelajar, malah turut membantu dalam pemantauan perkembangan dan penyelesaian masalah yang mungkin timbul sepanjang proses latihan. Komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan pihak pensyarah menjadi saluran penting untuk memastikan segala keperluan pelajar dapat ditangani dengan segera dan sewajarnya.

Dari perspektif pelajar, sokongan ibu bapa ini sangat mempengaruhi motivasi dan keyakinan diri mereka dalam menghadapi cabaran pembelajaran dan latihan industri:

"Saya rasa sangat bersyukur sebab ibu saya selalu bagi dorongan dan teman saya bila susah. Bila dia sokong, saya rasa lebih yakin untuk cuba buat kerja di tempat latihan."

(R14, Pelajar)

Pensyarah pula menekankan bahawa hubungan yang erat dan komunikasi yang berterusan dengan ibu bapa membolehkan mereka memantau prestasi pelajar dengan lebih efektif, serta memberi bimbingan yang lebih tepat:

"Kami kerap mengadakan pertemuan dengan ibu bapa supaya mereka faham keperluan pelajar dan dapat memberi sokongan di rumah. Sokongan keluarga memang kritikal untuk kejayaan pelajar."

(R1, Pensyarah)

Peranan ibu bapa tidak hanya terbatas pada aspek emosi, tetapi juga merangkumi sokongan praktikal dan kolaborasi dengan pihak sekolah, yang kesemuanya amat penting dalam menyokong kejayaan pelajar berkeperluan khas dalam PTK.

4.5.2 Kolaborasi dengan Industri dan NGO

Selain daripada sokongan keluarga, kolaborasi erat antara institusi pendidikan dengan pihak industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan utama dalam memperluaskan peluang latihan dan memastikan suasana kerja yang mesra dan

sesuai untuk pelajar berkeperluan khas. Kerjasama ini bukan sahaja memberi ruang latihan yang selamat dan kondusif, malah juga menyediakan bimbingan sosial dan kemahiran hidup yang membantu pelajar menyesuaikan diri dalam persekitaran sebenar.

Pensyarah menegaskan kepentingan kerjasama ini dalam memperkukuh keberkesanan program:

"Kami bekerjasama dengan pelbagai industri yang faham keperluan pelajar khas. NGO juga banyak membantu dari segi penyediaan latihan kemahiran hidup dan bimbingan sosial yang melengkapi latihan di tempat kerja."

(R11, Pensyarah)

Dari sudut pandang pelajar, bantuan daripada NGO amat berharga dalam menyediakan sokongan emosi dan kemahiran interpersonal yang sukar diperolehi hanya melalui latihan formal:

"Saya dibantu oleh kakak NGO untuk belajar cara berinteraksi dengan penyelia dan rakan sekerja. Dia ajar saya cara handle stress dan buat saya rasa lebih yakin."

(R25, Pelajar)

Ibu bapa pula sangat menghargai peranan NGO yang turut memberi sokongan tambahan di luar bilik kuliah dan bengkel latihan:

"NGO tu bagi kursus kemahiran hidup kepada anak saya, macam belajar urus masa dan berkomunikasi. Itu sangat membantu dia masa mula-mula masuk kerja."

(R9, Ibu Bapa)

Oleh itu, kolaborasi dengan pihak industri dan NGO tidak hanya memperluaskan peluang latihan, tetapi juga menyediakan sokongan sosial dan

kemahiran hidup yang amat diperlukan oleh pelajar berkeperluan khas dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

4.5.3 Dasar, Garis Panduan dan Sokongan Institusi

Dasar dan garis panduan yang jelas dari pihak institusi pendidikan menjadi asas utama bagi pelaksanaan PTK yang terancang dan berkesan. Pihak institusi bukan sahaja bertanggungjawab menyediakan kurikulum dan bahan pengajaran yang sesuai, malah juga menyediakan kemudahan dan latihan kepada tenaga pengajar supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi keperluan pelajar berkeperluan khas.

Pensyarah menjelaskan peranan dasar dan latihan dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran:

"Kolej kami ada polisi khusus untuk pelajar berkeperluan khas yang meliputi cara penyediaan bahan, latihan industri dan kaunseling. Latihan untuk pensyarah juga disediakan supaya kami lebih faham cara mengajar pelajar khas."

(R22, Pensyarah)

Bagi pelajar, kehadiran sokongan institusi yang peka terhadap keperluan mereka memberi keselesaan dan keyakinan yang tinggi dalam menjalani latihan dan pembelajaran:

"Saya rasa seronok sebab cikgu faham cara saya belajar dan bagi bantuan bila saya perlukan. Ada ruang khas untuk buat latihan dan kaunseling kalau saya stress."

(R15, Pelajar)

Ibu bapa juga merasakan bahawa sokongan yang konsisten daripada institusi memberikan keyakinan bahawa anak mereka mendapat pendidikan dan bimbingan yang sesuai:

"Saya yakin dengan sokongan kolej sebab mereka ada program kaunseling dan guru-guru yang sabar. Itu buat saya rasa anak saya dijaga dengan baik."

(R27, Ibu Bapa)

Dasar, garis panduan dan sokongan institusi adalah tunjang penting yang memastikan program transisi berjalan dengan lancar, dengan setiap pihak yang terlibat mendapat latihan dan bimbingan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran pelajar berkeperluan khas.

4.5.4 Rumusan Persoalan Kajian 3

Faktor sokongan memainkan peranan yang amat penting dalam kejayaan pelaksanaan PTK bagi pelajar berkeperluan khas. Sokongan daripada ibu bapa yang berterusan dan aktif bukan sahaja memberi dorongan moral tetapi juga membantu dari segi pemantauan dan penyelesaian masalah pelajar. Kolaborasi yang erat antara institusi pendidikan dengan pihak industri dan NGO pula membuka ruang latihan yang kondusif serta menyediakan bantuan kemahiran hidup dan bimbingan sosial yang sangat diperlukan oleh pelajar. Selain itu, dasar dan garis panduan yang jelas serta sokongan daripada institusi pendidikan memastikan pelaksanaan program dapat berjalan secara tersusun dan sistematik, dengan tenaga pengajar yang bersedia dan kemudahan yang sesuai disediakan untuk pelajar berkeperluan khas. Secara keseluruhannya, gabungan sokongan daripada keluarga, industri, NGO, dan institusi pendidikan adalah kunci kepada kejayaan proses transisi kerjaya pelajar berkeperluan khas dalam menyesuaikan diri dan bersedia menghadapi dunia pekerjaan.

4.6 RUMUSAN DAPATAN

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menggambarkan bahawa pelaksanaan PTK bagi pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Zon Utara masih memerlukan penambahbaikan yang signifikan. Kajian ini menonjolkan isu kekurangan latihan khusus dalam kalangan pensyarah, ketidakjelasan garis panduan pelaksanaan, serta cabaran kolaborasi dengan pihak luar seperti industri, NGO dan agensi kerajaan. Hasil ini memperkukuhkan dapatan sorotan literatur dalam Bab 2, yang menunjukkan bahawa

faktor-faktor seperti dasar pendidikan, kemahiran guru, penglibatan keluarga dan hubungan strategik antara agensi amat mempengaruhi keberkesanan PTK (Anizam, Manisah & Norhayati, 2020; Nur Liyana & Khairul Farhah, 2024).

Dalam aspek kefahaman dan kesediaan pensyarah, dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan program masih banyak bergantung kepada pengalaman individu, dengan sokongan latihan formal yang amat terhad. Pensyarah cenderung membangunkan bahan pengajaran atau modul latihan berdasarkan inisiatif sendiri tanpa merujuk kepada panduan khusus yang dibangunkan untuk pelajar berkeperluan khas. Dapatan ini selari dengan kenyataan Nur Syazmimie dan Syar Meeze (2023) yang menegaskan bahawa guru pendidikan khas kurang mendapat pendedahan konsisten mengenai pelaksanaan transisi melalui kursus atau latihan yang bersesuaian. Keadaan ini mewujudkan pelaksanaan program yang tidak seragam serta berisiko menjejaskan matlamat jangka panjang program tersebut.

Dalam pelaksanaan strategi dan kaedah transisi kerjaya, pensyarah menunjukkan usaha proaktif dengan merangka aktiviti simulasi pekerjaan, penempatan latihan industri dan penyediaan tugas berbentuk vokasional. Walau bagaimanapun, kekangan dari aspek masa, sumber manusia serta ketidaksediaan pihak industri menyebabkan sesetengah pelajar hanya menjalani latihan secara dalaman di kolej. Hal ini memperkukuhkan dapatan Mohamad Fitri dan Mohd Mokhtar (2021) yang menyatakan bahawa strategi pelaksanaan masih berada pada tahap rendah dan memerlukan perancangan lebih menyeluruh agar dapat menyokong keperluan sebenar pelajar.

Selain itu, penglibatan ibu bapa juga didapati tidak konsisten. Terdapat sebahagian ibu bapa yang menyatakan kekeliruan atau ketidaktahuan tentang konsep dan tujuan sebenar program transisi, malah ada yang menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada pihak kolej. Penemuan ini menyokong pandangan Ahmad Asmawi dan Khairul Farhah (2020), yang menjelaskan bahawa penglibatan ibu bapa dalam program transisi masih bersifat pasif dan belum mencapai tahap kolaborasi yang efektif. Malah, Mohamad Fitri dan Mohd Mokhtar (2021) turut menegaskan bahawa

sesetengah ibu bapa masih belum mempunyai kesedaran mencukupi dan tidak bersedia untuk menyokong proses peralihan anak mereka ke alam pekerjaan.

Dapatan kajian ini turut memperlihatkan tahap kerjasama dan sokongan antara institusi dengan pihak industri, NGO dan agensi kerajaan masih belum mapan. Ketidakpastian dalam kalangan pihak industri mengenai keupayaan pelajar berkeperluan khas menjadi antara faktor yang menyukarkan kerjasama, seperti mana ditegaskan oleh Jones (2023) yang menjelaskan bahawa persepsi majikan terhadap pelajar OKU masih berada pada tahap sederhana. Malah, keraguan ini turut dinyatakan oleh Ni Bhroin dan King (2020) yang menekankan pentingnya kefahaman bersama mengenai peranan dan potensi pelajar untuk menjayakan jaringan kolaborasi.

Secara tuntas, rumusan dapatan ini memperlihatkan keserasian yang jelas antara data empirikal kajian ini dan dapatan kajian terdahulu yang dibincangkan dalam Bab 2. PTK yang efektif memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan kefahaman mendalam dalam kalangan pensyarah, strategi pelaksanaan yang tersusun dan fleksibel, sokongan keluarga yang aktif, serta jaringan kolaboratif yang kukuh dengan pelbagai agensi luar. Pelaksanaan program yang berterusan dan berasaskan pendekatan holistik berupaya membantu pelajar berkeperluan khas mencapai potensi sebenar mereka serta meningkatkan kebolehpasaran dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

4.7 RUMUSAN

Bab ini telah membentangkan dapatan kajian berdasarkan temu bual bersama 27 orang informan daripada tiga buah Kolej Komuniti di Zon Utara, merangkumi pensyarah, pegawai latihan industri, kaunselor, pelajar berkeperluan khas, pelajar tipikal dan ibu bapa. Dapatan kajian disusun mengikut objektif kajian yang meliputi pengalaman pensyarah dalam pelaksanaan PTK, strategi dan kaedah pelaksanaan, serta faktor sokongan yang mempengaruhi keberkesanan program. Kesemua tema yang dikenal pasti memperlihatkan bahawa pelaksanaan program ini masih menghadapi pelbagai cabaran seperti kekurangan garis panduan khusus, latihan yang tidak mencukupi, serta tahap kolaborasi yang rendah dengan pihak luar. Walaupun terdapat inisiatif yang baik daripada pensyarah, sokongan menyeluruh daripada semua pihak termasuk industri dan keluarga amat diperlukan bagi memastikan pelajar berkeperluan khas benar-benar

bersedia menghadapi alam pekerjaan. Justeru itu, dapatan ini menjadi asas penting dalam perbincangan seterusnya dalam Bab 5 bagi memperhalusi cadangan penambahbaikan dan implikasi kajian.



BAB V

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan secara mendalam hasil dapatan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 4 berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian, iaitu pengalaman pensyarah dalam pengurusan transisi ke kerjaya, strategi serta kaedah pelaksanaan yang digunakan, dan faktor sokongan dalam menjayakan pelaksanaan program transisi bagi pelajar berkeperluan khas. Perbincangan dalam bab ini disusun mengikut tema utama yang telah dikenal pasti dan dikaitkan secara langsung dengan kerangka konseptual kajian iaitu Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984) dan Model Program Transisi Taksonomi (Kohler, 1996). Perbandingan dengan dapatan kajian terdahulu yang telah dihuraikan dalam Bab 2 turut dilaksanakan bagi menilai kesepadanan serta percanggahan antara kajian ini dengan literatur sedia ada. Tujuannya adalah untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang realiti pelaksanaan PTK di Kolej Komuniti Zon Utara, serta menjelaskan keperluan penambahbaikan dalam pelaksanaan program agar matlamat kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas dapat dicapai secara holistik dan mampan.

5.2 RINGKASAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah memberi gambaran menyeluruh terhadap pelaksanaan PTK dalam kalangan pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Zon Utara. Melalui pendekatan temu bual separa berstruktur terhadap pelbagai kumpulan informan, kajian ini telah mengenal pasti tiga komponen utama yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program, iaitu pengalaman pensyarah, strategi pelaksanaan, dan faktor sokongan. Dalam aspek pengalaman pensyarah, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan kesediaan pelaksana adalah tidak

sekata, dengan kebanyakan pensyarah tidak menerima latihan khusus yang mendalam berkaitan transisi. Pelaksanaan program pula dijalankan secara adaptif berdasarkan inisiatif dan kreativiti pensyarah tanpa rujukan jelas kepada garis panduan khas yang bersesuaian dengan keperluan pelajar OKU.

Selain itu, kajian turut mendedahkan bahawa strategi pelaksanaan yang diguna pakai tidak seragam, di mana kekangan masa, tenaga kerja dan kekurangan tempat latihan industri yang mesra pelajar khas menjadi cabaran besar. Dari sudut faktor sokongan, penglibatan ibu bapa, NGO, agensi kerajaan dan pihak industri masih berada pada tahap sederhana. Ibu bapa tidak terlibat secara aktif dalam perancangan dan pelaksanaan program, manakala industri pula kurang bersedia untuk menerima pelajar khas kerana kurang pendedahan dan kefahaman. Kesemua dapatan ini mencerminkan bahawa pelaksanaan program transisi memerlukan pendekatan yang lebih berstruktur dan kolaboratif agar selaras dengan hasrat Dasar Pendidikan Inklusif dan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara serta matlamat SDG 4 (Pendidikan Berkualiti untuk Semua).

5.3 DAPATAN KAJIAN

5.3.1 Pengalaman Pensyarah Dalam Pelaksanaan Program Transisi

Pensyarah menunjukkan kefahaman yang berbeza dalam pelaksanaan program transisi, dengan majoriti bergantung kepada pengalaman sendiri. Walaupun wujud kreativiti dalam pelaksanaan, kekangan masa, latihan dan sokongan industri menjadi cabaran utama. Program ini dilihat bermanfaat tetapi memerlukan struktur dan sokongan institusi yang lebih mantap.

a. Tahap Kefahaman dan Kesediaan Pensyarah

Secara umumnya, tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) adalah tidak seragam. Walaupun terdapat segelintir pensyarah yang telah menghadiri kursus berkaitan, kandungannya masih bersifat asas dan tidak menepati keperluan sebenar pelajar berkeperluan khas. Hal ini menunjukkan bahawa latihan yang diterima masih belum cukup untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran yang mantap kepada pensyarah. Sebahagian pensyarah mengakui

memperoleh ilmu dan pendekatan secara tidak formal melalui pengalaman kerja serta rujukan rakan sejawat.

Pensyarah juga berpendapat bahawa kurangnya pendedahan kepada modul yang spesifik bagi pelajar pendidikan khas menjadi penghalang kepada pelaksanaan yang lebih efektif. Ramai pensyarah bergantung kepada inisiatif sendiri seperti membaca sumber luar atau membangunkan bahan bantu mengajar secara individu. Oleh itu, kefahaman dan kesediaan ini perlu dipertingkatkan melalui program latihan yang bersasar, berterusan, dan diselaraskan dengan garis panduan rasmi. Penglibatan lebih aktif daripada pihak institusi juga penting bagi menyediakan pensyarah dengan sokongan teknikal dan profesional yang mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

b. Amalan Semasa dan Cabaran Pelaksanaan

Amalan pelaksanaan PTK banyak bergantung kepada inisiatif dan kreativiti pensyarah di peringkat kolej. Pensyarah menunjukkan daya usaha yang tinggi dalam membina suasana simulasi kerja, menjalankan aktiviti bengkel, latihan dalaman, serta pembelajaran berasaskan pengalaman sebagai ganti kepada latihan industri yang sukar diperoleh. Dalam banyak kes, pelaksanaan bersifat tidak formal dan menyesuaikan diri dengan keupayaan pelajar masing-masing.

Namun begitu, pelaksanaan ini tidak lari daripada pelbagai cabaran. Antara cabaran utama termasuk kekangan masa pengajaran, kekurangan tenaga pengajar terlatih dalam bidang pendidikan khas, serta kesukaran mendapatkan tempat latihan industri yang bersesuaian. Selain itu, cabaran juga timbul daripada kurangnya kesediaan pihak industri menerima pelajar berkeperluan khas, terutamanya apabila mereka bimbang tentang keupayaan pelajar mengurus tingkah laku atau komunikasi. Kekangan ini menyebabkan pensyarah terpaksa mencari alternatif pelaksanaan di dalam kampus, walaupun ia tidak memberikan pengalaman sebenar yang mencukupi. Ini menunjukkan keperluan kepada kolaborasi strategik yang lebih berstruktur antara kolej dan industri serta dasar yang lebih inklusif daripada pihak pengurusan atasan.

c. **Persepsi Terhadap Keberkesanan Program**

Pensyarah dan pihak berkepentingan melihat PTK ini sebagai satu inisiatif penting yang mampu membina kemahiran asas, keyakinan diri dan sikap profesional dalam kalangan pelajar berkeperluan khas. Mereka menyatakan bahawa perubahan ketara dapat dilihat selepas pelajar melalui latihan industri atau aktiviti transisi yang disusun secara sistematik. Perubahan ini merangkumi peningkatan dari segi komunikasi, pengurusan diri, interaksi sosial dan motivasi pelajar untuk bekerja.

Walau bagaimanapun, keberkesanan program ini masih belum menyeluruh dan memerlukan penambahbaikan daripada pelbagai aspek. Terdapat keperluan mendesak untuk menstruktur semula pelaksanaan program agar lebih tersusun, disokong oleh dasar institusi yang jelas serta latihan teknikal yang menyeluruh kepada semua yang terlibat. Pensyarah juga mencadangkan supaya pelajar diberikan peluang mengikuti latihan industri yang lebih lama serta dipadankan dengan tempat kerja yang sesuai dengan minat dan keupayaan mereka. Hanya dengan pelaksanaan yang menyeluruh dan berpaksikan pendekatan inklusif, barulah impak jangka panjang program terhadap kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas dapat direalisasikan sepenuhnya.

5.3.2 **Strategi atau Kaedah Dalam Pelaksanaan Transisi Kerjaya Yang Boleh Membantu Pelajar**

Strategi pelaksanaan merangkumi pendekatan pengajaran TVET yang praktikal, latihan industri yang disesuaikan dengan keupayaan pelajar, serta penggunaan inovasi pengajaran seperti bahan digital dan pembelajaran berasaskan minat. Kaedah ini membantu pelajar berkeperluan khas bersedia menghadapi dunia pekerjaan dengan lebih yakin dan berkesan.

a. **Pendekatan Pengajaran dan Kurikulum TVET**

Kurikulum TVET dilihat sebagai platform yang sangat sesuai bagi pelajar berkeperluan khas kerana pendekatannya yang bersifat praktikal dan berasaskan kemahiran. Pensyarah menyesuaikan pengajaran dengan keperluan pelajar melalui kaedah visual, simulasi, aktiviti kolaboratif dan pembelajaran secara hands-on. Pendekatan ini membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung dengan peralatan, situasi kerja

sebenarnya dan membina keyakinan sendiri. Namun begitu, masih wujud keperluan untuk memperkasa modul TVET dengan elemen yang lebih inklusif dan adaptif mengikut tahap kognitif pelajar khas.

Sehubungan dengan itu, penggabungan elemen peningkatan diri dan kemahiran insaniah seperti pengurusan emosi dan komunikasi interpersonal dalam kurikulum perlu dipertimbangkan. Hal ini bertujuan membantu pelajar berkeperluan khas berfungsi dengan lebih baik di alam pekerjaan. Sebahagian pensyarah turut mencadangkan agar silibus TVET disemak semula untuk memastikan ia relevan dengan keperluan semasa industri serta menyediakan laluan pembelajaran yang fleksibel dan bersesuaian untuk pelajar dengan tahap keupayaan berbeza.

b. Latihan Industri dan Penyesuaian Kaedah

Latihan industri merupakan elemen kritikal dalam pelaksanaan transisi kerjaya. Pensyarah perlu menyesuaikan kaedah latihan berdasarkan kemampuan pelajar seperti menetapkan tugas yang bersesuaian, jadual kerja fleksibel dan pemantauan berkala. Latihan industri bukan sahaja memberi peluang pembelajaran di luar bilik darjah, malah memperkenalkan budaya kerja sebenar. Namun, cabaran seperti kekurangan syarikat yang sedia menerima pelajar khas masih membelenggu pelaksanaan. Oleh itu, usaha memperluas jaringan kerjasama industri dan menyediakan latihan pra-penempatan kepada pelajar khas perlu dipertingkatkan.

Bagi memastikan keberkesanan latihan industri, terdapat cadangan supaya satu modul orientasi khas diperkenalkan bagi majikan dan pelajar sebelum penempatan dimulakan. Di samping itu, sokongan susulan seperti pemantauan secara berkala oleh pensyarah atau pegawai latihan industri akan dapat meningkatkan keberkesanan serta membantu pelajar menyelesaikan masalah ketika di tempat kerja. Pendekatan ini juga membina kepercayaan majikan terhadap kemampuan pelajar khas.

c. Inovasi dan Strategi Menyesuaikan dengan Keperluan Pelajar

Pensyarah menggunakan pelbagai inovasi dalam melaksanakan PTK seperti penggunaan bahan bantu mengajar digital, pembelajaran berbentuk modul grafik dan

adaptasi tugas berdasarkan keupayaan individu pelajar. Strategi berasaskan pendekatan individualisasi ini penting bagi memastikan setiap pelajar menerima intervensi yang sesuai. Pelajar yang dibimbing melalui strategi yang bersifat fleksibel, berasaskan kekuatan dan minat, cenderung menunjukkan perkembangan yang lebih positif dari segi sikap, kemahiran sosial dan daya tahan dalam menghadapi cabaran alam pekerjaan.

Penggunaan teknologi seperti pembelajaran berasaskan video, aplikasi interaktif dan latihan maya turut digunakan bagi menyokong pembelajaran pelajar khas. Pensyarah juga menggalakkan pendekatan pementoran antara pelajar tipikal dan pelajar khas bagi meningkatkan interaksi sosial dan sokongan moral. Inovasi ini bukan sahaja memberi motivasi kepada pelajar khas, tetapi turut membentuk budaya pembelajaran yang inklusif di kolej.

5.3.3 Faktor Sokongan Pelaksanaan Transisi Kerjaya Pelajar Berkeperluan Khas

Strategi pelaksanaan merangkumi pendekatan pengajaran TVET yang praktikal, latihan industri yang disesuaikan dengan keupayaan pelajar, serta penggunaan inovasi pengajaran seperti bahan digital dan pembelajaran berasaskan minat. Kaedah ini membantu pelajar berkeperluan khas bersedia menghadapi dunia pekerjaan dengan lebih yakin dan berkesan.

a. Peranan dan Sokongan Ibu Bapa

Sokongan ibu bapa amat penting dalam keberhasilan PTK. Kajian menunjukkan bahawa ibu bapa yang terlibat secara aktif, seperti menghadiri taklimat, berbincang dengan pensyarah dan memantau perkembangan anak-anak, dapat membantu pelajar menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan. Namun begitu, tidak semua ibu bapa memahami konsep dan kepentingan program transisi ini. Oleh itu, pihak kolej perlu merancang program libat urus ibu bapa secara lebih menyeluruh dan berterusan bagi meningkatkan kefahaman dan kerjasama dua hala.

Ibu bapa boleh memainkan peranan penting dalam memperkukuh motivasi pelajar khas melalui sokongan emosi dan bimbingan sendiri di rumah. Perbincangan

awal antara kolej dan ibu bapa mengenai pelan transisi dan matlamat kerjaya pelajar boleh membantu membentuk jangkaan yang realistik dan pelan sokongan yang selari. Penyediaan bahan maklumat yang mudah difahami serta pendedahan kepada hak pendidikan dan pekerjaan anak-anak berkeperluan khas juga akan membantu memperkasakan peranan ibu bapa sebagai rakan strategik dalam proses transisi.

b. Kolaborasi Dengan Industri dan NGO

Kerjasama antara kolej dengan industri dan NGO menjadi pemangkin kepada kejayaan program transisi. Walaupun masih ada industri yang skeptikal terhadap kebolehan pelajar khas, terdapat juga yang bersedia memberi peluang latihan. Peranan NGO juga penting dalam menyediakan latihan sokongan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kebolehan pelajar OKU. Kolaborasi strategik ini perlu diperkukuh melalui MoU, kempen advokasi dan pemantapan komunikasi dua hala. Kesediaan dan penerimaan pihak luar perlu dibina secara berterusan melalui intervensi profesional dan dasar.

Lanjutan daripada itu, kolaborasi dengan NGO mampu menyediakan mentor sukarelawan, bengkel pembangunan diri dan kemahiran asas pekerjaan kepada pelajar. NGO yang fokus terhadap komuniti OKU juga berperanan memberi pendedahan kepada majikan tentang kelebihan menerima pekerja khas. Peluang seperti ini mampu membina laluan kerjaya jangka panjang dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas.

c. Dasar, Garis Panduan dan Sokongan Institusi

Pelaksanaan program transisi banyak dipengaruhi oleh kewujudan dasar dan garis panduan yang jelas serta menyeluruh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah masih bergantung kepada panduan umum latihan industri arus perdana yang kurang sesuai bagi pelajar berkeperluan khas. Oleh itu, penyediaan garis panduan khas, termasuk modul latihan, senarai semak kemahiran dan kriteria penilaian yang sesuai perlu dibangunkan. Institusi juga perlu menyediakan sumber dan latihan dalaman secara berterusan kepada semua warga kerja agar program dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan berkesan.

Seperkara itu, dasar institusi perlu menyokong pelaksanaan program melalui peruntukan khas, pelantikan pegawai sokongan pendidikan khas, dan pelaksanaan pemantauan berkala. Penilaian berkala terhadap keberkesanan program dan maklum balas daripada pelajar, pensyarah serta majikan akan membantu penambahbaikan berterusan dan menjamin kesinambungan program jangka panjang.

5.4 IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini memberikan pelbagai implikasi penting kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PTK bagi pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran. Implikasi pertama berkaitan dengan amalan pengajaran pensyarah di Kolej Komuniti. Kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah memerlukan latihan yang lebih mendalam, sistematik dan berfokus mengenai transisi kerjaya. Latihan ini bukan sahaja perlu memberi pengetahuan teori dan dasar, tetapi turut melibatkan simulasi sebenar, pengurusan tingkah laku, pendekatan pengajaran berbeza, dan pendedahan terhadap keperluan individu pelajar khas. Modul atau manual khas berkaitan pelaksanaan program transisi perlu dibangunkan agar dapat menjadi panduan standard bagi pensyarah, sejajar dengan prinsip perancangan berasaskan pelajar seperti yang digariskan oleh Kohler (1996).

Implikasi kedua berkaitan dengan ibu bapa dan komuniti. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa masih belum terlibat secara aktif dan menyeluruh dalam proses perancangan dan pelaksanaan transisi kerjaya. Maka, wujud keperluan untuk memperkenalkan program advokasi ibu bapa serta taklimat berkala yang dapat memberi pemahaman tentang peranan mereka dalam menyokong anak-anak semasa menjalani latihan industri atau program vokasional. Kementerian dan pihak pengurusan kolej juga perlu membina hubungan sistematik dengan NGO dan industri bagi mewujudkan satu ekosistem yang lebih inklusif. Keperluan kepada dasar bersama atau memorandum persefahaman (MoU) antara kolej dan organisasi luar dilihat penting agar program transisi bukan sekadar intervensi jangka pendek, tetapi suatu pelan berimpak jangka panjang terhadap kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas.

Akhir sekali, dari sudut dasar pendidikan dan pengurusan, kajian ini memberi isyarat jelas bahawa pelaksanaan transisi ke kerjaya memerlukan perhatian khusus pada

peringkat dasar dan garis panduan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Garis panduan latihan industri sedia ada yang dibangunkan untuk pelajar arus perdana tidak sesuai digunakan secara terus untuk pelajar berkeperluan khas. Oleh itu, satu garis panduan baharu yang mengambil kira keperluan pelajar berkeperluan khas harus dibangunkan, termasuk elemen seperti tempoh penyesuaian, keperluan sokongan pengiring, serta rubrik penilaian kemahiran sosial dan sendiri.

5.5 SUMBANGAN KAJIAN

